

9 / Kolej

num CAS

**METODOLOGI PENETAPAN FATWA JAWATANKUASA
SYAR'IYYAH NEGERI PERLIS (JSNP): PENGAMALANNYA
BERASASKAN FATWA-FATWA TERPILIH TAHUN 1990-2000**

**MOHD AKRAM DATO' DAHAMAN @ DAHLAN
SOLAHUDDIN ABDUL HAMID**

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2014

PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB (*DISCLAIMER*)

Kami, dengan ini, mengaku bertanggungjawab di atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, gambarajah, ilustrasi, yang telah diutarakan di dalam laporan ini. Kami bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hakcipta dan hak keempunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungan terhadap ketepatan mana-mana komen, laporan, dan maklumat teknikal dan fakta lain, dan terhadap tuntutan hakcipta dan juga hak keempunyaan.

We are responsible for the accuracy of all opinion, technical comment, factual report, data, figures, illustrations and photographs in the article. We bear full responsibility for the checking whether material submitted is subject to copyright or ownership rights. UUM does not accept any liability for the accuracy of such comment, report and other technical and factual information and the copyright or ownership rights claims.

Ketua Penyelidik:

Dr. Mohd Akram Dato' Dahaman @ Dahlan

Ahli Penyelidik:

Dr. Solahuddin Abdul Hamid

PENGHARGAAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, segala puji dan syukur diucapkan atas limpah kurnia daripada Allah S.W.T., Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga, para sahabat dan pengikut baginda yang terus mempertahankan Syariat Islam sehingga ke akhir zaman. Melalui petunjuk, ketabahan dan kesabaran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. menjadikan kami berkeinginan tinggi dalam menyelesaikan penyelidikan ini seperti.

Ucapan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada *Awang Had Salleh Graduate School*, Kolej Sastera dan Sains (CAS) Universiti Utara Malaysia kerana membiayai geran penyelidikan ini .

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada rakan sepenyelidik Dr. Solahuddin Abdul Hamid serta mereka yang telah membantu menjayakan penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga dianugerahkan barakah dan rahmat oleh Allah S.W.T. Adalah menjadi harapan kami, sedikit ilmu dan pengalaman yang diperolehi daripada kajian ini akan memberi manfaat kepada kita semua. *Insya Allah.*

Terima kasih.

Dr. Mohd Akram Dato' Dahaman @ Dahlan

Ketua Penyelidik

ABSTRAK

Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP) merupakan satu badan yang telah diberikan kuasa oleh Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1964 sebagai penasihat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam perkara berkaitan fatwa. Sebagai badan berautoriti fatwa negeri, JSNP telahpun membuat satu panduan terhadap metodologi penetapan fatwa yang perlu diikuti sebelum sesuatu fatwa diputuskan. Panduan yang telah digariskan itu adalah berbeza dengan pengamalan Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri yang lain. Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti metodologi penetapan fatwa tersebut dan menganalisis praktis penetapan fatwanya berasaskan metodologi yang telah digariskan melalui fatwa-fatwa terpilih Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP) dari tahun 1990 hingga 2000. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif melibatkan proses pengumpulan data melalui sumber-sumber berdokumen dan temubual. Bagi menganalisis data pula, pendekatan content analysis atau analisis kandungan digunakan. Pendekatan ini merupakan cara yang terbaik bagi menguji praktis yang diamalkan oleh JSNP di dalam memutuskan sesuatu fatwa. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa metodologi penetapan fatwa JSNP terbahagi kepada dua perkara iaitu berkaitan dengan sumber ambilan hukum dan pemakaian pandangan mazhab tanpa terikat dengan satu-satu pandangan mazhab. Berdasarkan teks-teks fatwa yang telah dianalisis, dari sudut pengamalan JSNP terhadap metodologi penetapan fatwa, berkenaan sumber ambilan hukum didapati bahawa praktis JSNP adalah selari dengan garispanduan yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan pemakaian pandangan mazhab yang telah diambilpakai di dalam keputusan fatwa JSNP.

ABSTRACT

Syar'iyyah Committee of Perlis (JSNP) is a body which has been given power by the Perlis Islamic Administration Laws 1964 as the advisor to Council of Religious and Malay Custom Perlis (MAIPs) in the matter of fatwa. As an authoritative state fatwa body, JSNP has made a guideline on fatwa setting methodology that need to be followed before a fatwa is decided. The guideline which was set, contrasts with Fatwa Committee implementation in other states. Therefore, the objective of this study is to identify fatwa setting methodology and analyse the practicality of the fatwa setting method which was set through Syar'iyyah Committee of Perlis (JSNP) selected fatwas from 1990 to 2000. This qualitative study involves data collection process through resources of documents and interviews. To analyse the collected data on the other hand, content analysis approach is used. This approach is the best way to test the method practiced by JSNP in deciding a fatwa. The result of the research showed that fatwa setting methodology of JSNP is divided into two which are related to the sources of hukm and the use of school of thought (mazhab) views without the binds of one school of thought. Based on the analysed fatwa texts, JSNP implementation on fatwa setting methodology on sources of hukm found that the practiced of JSNP is parallel to the set guidelines. Likewise, on the school of thought view application which has been used in JSNP fatwa decision.

ISI KANDUNGAN

Pengakuan Tanggungjawab (Disclaimer)	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Ilustrasi	ix
Senarai Statut	x
Senarai Kependekan	xi

BAB SATU: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Definisi Tajuk	6
1.6 Batasan dan Skop Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Metodologi Kajian	9
1.9 Kajian Literatur	13
1.10 Kesimpulan	18

BAB DUA: METODOLOGI PENETAPAN FATWA JAWATANKUASA

SYAR'IYYAH NEGERI PERLIS (JSNP)

2.1 Sejarah Penubuhan Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)	20
2.1.1 Sejarah Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)	20

2.2	Struktur Organisasi Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)	23
2.2.1	Struktur Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)	23
2.3	Prosedur Pengeluaran Fatwa Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)	28
2.3.1	Proses Pengeluaran Fatwa	30
2.4	Metodologi Penetapan Fatwa Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)	37
2.4.1	Sumber Rujukan Hukum	38
2.4.2	Penetapan Fatwa dan Pandangan Mazhab Tertentu	47

BAB TIGA: ANALISIS PRAKTIS METODOLOGI PENETAPAN FATWA OLEH JSNP MELALUI FATWA TERPILIH TAHUN 1990- 2000

3.1	Fatwa-Fatwa Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis Tahun 1990-2000	51
3.2	Analisis Praktis Metodologi Penetapan Fatwa Terpilih Oleh JSNP	53
3.2.1	Zakat Gaji	53
3.2.2	Bacaan al-Quran di Tempat-tempat Kematian	57
3.2.3	Pungutan Zakat Harta daripada Anak Perlis yang Bermastautin di Luar Perlis	61
3.2.4	Pakaian Pekerja Islam Wanita	64
3.2.5	Status Agama Bayi yang Tidak Diketahui Agama Ibumanya	68
3.2.6	Sembahyang Jumaat bagi Wanita	71
3.2.7	Seseorang Islam yang Mengaku Bukan Islam kerana Mengelak dari Ditangkap atau Sebab-sebab yang Lain	75

3.2.8	Menyembunyi Ahli Waris	79
3.2.9	Penggunaan Tag Telinga pada Binatang Korban	83
3.2.10	Harta Pusaka Orang Bukan Islam Diwarisi oleh Orang yang Beragama Islam	87
3.3	Kesimpulan	90

BAB EMPAT: RUMUSAN DAN CADANGAN

4.1	Pendahuluan	95
4.2	Rumusan	95
4.3	Cadangan	101

RUJUKAN

1-4

SENARAI ILUSTRASI

Rajah 2.1: Struktur Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis sehingga 2005	25
Rajah 2.2: Struktur Jawatankuasa Fatwa bermula 2006	27
Rajah 2.3: Carta Aliran Pengeluaran Fatwa Melalui Soalan Kepada Setiausaha MAIPs	33
Rajah 2.4: Carta Aliran Fatwa Melalui Soalan Kepada Jabatan Mufti	36
Rajah 3.1: Penggunaan Sumber Rujukan Hukum dalam Penetapan Fatwa JSNP	92
Rajah 3.2: Penggunaan Pendapat Mazhab ASWJ dalam Penetapan Fatwa JSNP	93
Jadual 1.1: Langkah-langkah Analisis Kandungan	12
Jadual 2.1: Senarai Ahli Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)	28

SENARAI STATUT

Perkara	Peruntukan	Halaman
Administration of Muslim Law Act, Pindaan 2009	Bahagian 2, Seksyen 33, Perkara 1	2
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang No. 3/1991	-	3
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis Bil. 4/2006	Seksyen 46, Ceraian satu (1)	23
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Bil. 4/2006	Bahagian Tiga, Seksyen 46, Ceraian Dua (2)	26
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak	Seksyen 43	4
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis No. 3/1964	-	3
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis No. 3/1964	Bahagian 2, Seksyen 7, Ceraian 4	4, 37
Perlembagaan Persekutuan	Jadual 9, Senarai 1 (butiran 4k)	3
Perlembagaan Persekutuan	Jadual 9, Senarai 2 Senarai Negeri (butiran 1)	3
Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964	Seksyen Lapan (8), Ceraian Satu (1)	21
Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964	Seksyen Tujuh (7) Ceraian Satu (1)	29
Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964	Seksyen Tujuh (7), Ceraian Tiga (3)	29-30
Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964	Bahagian Tiga (3) Seksyen Sembilan (9)	34
Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964	Seksyen Lapan (8), Ceraian Satu (1)	29
Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1964 (pindaan 1988),	Seksyen lapan (8), Ceraian Satu (1) dan Ceraian Tiga (3)	23
Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis (Laws of The Constitution of Perlis) 1948,	Bahagian 2, Perkara 5, Ayat 1	21, 37

SENARAI KEPENDEKAN

Simbol & Kependekan	Maksud
@	Alias
&	Dan
ASWJ	Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah
Bil.	Bilangan
ECFR	European Council for Fatwa and Research
JFK	Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
JFNP	Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis
JSNP	Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAIPs	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
MUIS	Majlis Ugama Islam Singapura
No.	Nombor
RA	Radiya Allah 'Anh/ 'Anha/ 'Anhum/'Anhunna
s.a.w	Salla Allah 'Alayh wa Sallam
t.t	Tanpa Tahun
UM	Universiti Malaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Fatwa merupakan antara medium pemakluman dan pemberitahuan hukum syarak yang wujud seiring dengan penurunan wahyu lagi. Berdasarkan pengelasan yang dibuat oleh Muhammad Fuad Abd al-Baqi (1994), terdapat lebih kurang sebelas kali di dalam sembilan ayat yang berbeza menunjukkan penggunaan perkataan fatwa dan seumpamanya. Menyelusuri era-era seterusnya di dalam sejarah hukum Islam, medium ini telah mendapat tempat yang utama dalam kalangan masyarakat Islam sama ada bagi para sarjana bagi memberikan penyelesaian hukum mahupun kelompok umum yang memerlukan hukum di dalam praktik kehidupan mereka (Husayn Muhammad al-Mallah, 2001).

Di sepanjang sejarah pembinaan hukum Islam melalui era Rasulullah s.a.w, era para sahabat, era tabi'in dan pengikutnya, era imam-imam mujtahid, era taqlid dan era kini, sememangnya sudah wujud set-set berbentuk kaedah dan metode yang digunakan oleh sarjana hukum Islam dalam penetapan sesuatu fatwa. Sebagai contoh, Imam al-Darimi ada menjelaskan berkenaan metodologi penetapan fatwa yang digunakan oleh Abu Bakar RA:

“Sesungguhnya Abu Bakar, jika ada masalah yang diajukan kepadanya beliau akan melihat di dalam al-Quran, sekiranya ada di dalamnya beliau akan menyelesaikan masalah itu dengan ayat al-Quran. Jika tidak ada di dalam al-Quran dan beliau tahu akan adanya perakuan sunnah di dalam masalah tersebut, beliau akan berhukum dengan sunnah tersebut. Sekiranya tidak dapat, beliau akan keluar bertanya orang muslimin dengan berkata: Telah sampai kepadaku masalah, adakah kamu tahu tentang penyelesaian yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w?, kerana kemungkinan ada di antara sahabat yang

mengetahui akan jawapan daripada Rasulullah s.a.w. Sekiranya masih tidak tidak dapat jawapan, beliau akan mengumpul pemimpin-pemimpin, orang-orang yang terpilih dalam kalangan sahabat seterusnya bermesyuarat dan jika mereka mencapai kata sepakat, beliau akan berhukum dengan keputusan mesyuarat itu” (al-Darimi 1987: No. Hadith 161)

Begitu juga dengan Imam Abu Hanifah yang secara umum telah menyatakan metodologi beliau dalam berfatwa dengan berkata:

“Sesungguhnya saya menggunakan kitab Allah untuk mengambil hukum jika ada, sekiranya tiada saya akan menggunakan sunnah Rasulullah s.a.w dan Athar yang sahih daripada baginda s.a.w yang diriwayatkan oleh mereka yang memiliki sifat al-Thiqah. Sekiranya tidak terdapat juga di dalam al-Quran dan al-Sunnah saya akan mengambil kata-kata sahabat rasul sesiapa yang saya mahu dan menolak kata-kata mereka mengikut saya. Kemudian saya tidak akan keluar daripada kata-kata mereka kepada kata-kata orang lain. Sekiranya perkara ini berhenti di tangan Ibrahim, al-Sya’bi, al-Hasan, Ibn Sirin, Sa’id ibn al-Musayyib, saya akan berijtihad sepetimana mereka berijtihad” (al-Khatib al-Baghdadi t.t: j.13, 368)

Di era kini, metodologi atau manhaj dalam penetapan fatwa merupakan perkara yang penting dan diberikan fokus utama sama ada bagi orang perseorangan maupun institusi-institusi fatwa serata dunia. Sebagai contoh, Da’irah al-Ifta’ al-‘Am yang merupakan badan berautoriti fatwa di Jordan (<http://www.aliftaa.jo/index.php/ar/pages/view/id/39>: 20 Mac 2013), European Council for Fatwa and Research (ECFR) yang merupakan badan berautoriti berkaitan fatwa di benua eropah (European Council for Fatwa and Research (ECFR) t.t: 7), Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) badan tertinggi fatwa di Singapura (Raihanah Halid 2008: 73-74, Administration of Muslim Law Act 2009: Bahagian 2, Syeksen 33, Perkara 1), Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFK) badan fatwa di peringkat nasional (Urusetia JFK 1997: 2-3) telah menetapkan sesuatu fatwa berdasarkan metodologi yang telah digariskan masing-masing.

Al-Qaradawi sebagai salah seorang sarjana Islam kontemporari yang banyak mengutarakan fatwa-fatwa dan dijadikan rujukan oleh masyarakat Islam dunia dengan jelas menggariskan metodologi penetapan fatwa beliau (al-Qaradawi, 2005).

Oleh itu, metodologi penetapan fatwa adalah sesuatu yang amat penting bagi memutuskan sesuatu fatwa sama ada daripada orang perseorangan ataupun daripada badan berwenang fatwa. Malah, metodologi yang telah digariskan ini adalah perlu diikuti dan diamalkan dengan baik agar fatwa yang dikeluarkan benar-benar menepati kaedah istinbat hukum syarak walaupun ada perbezaan daripada beberapa sudut.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, kuasa telah diberi kepada kerajaan negeri untuk mentadbir hal ehwal agama Islam. Perkara ini adalah merujuk kepada Jadual 9 Senarai 1 (butiran 4k) dan Senarai 2 Senarai Negeri (butiran 1) Perlembagaan Persekutuan.

Fatwa sebagai salah satu perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam secara automatik berada di bawah bidang kuasa negeri. Perkara ini jelas dengan penubuhan satu jawatankuasa untuk membantu jabatan mufti mengeluarkan fatwa bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau kerajaan negeri seperti Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang: No. 3/1991) dan Jawatankuasa Syariah (Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis: No. 3/1964).

Setiap negeri telah menggariskan kaedah dan metode penetapan fatwa masing-masing berdasarkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam. Oleh itu setiap permasalahan yang timbul akan diselesaikan lalu dikeluarkan fatwa berdasarkan kaedah dan metode yang telah digariskan.

Menurut Suwaid Tapah (2004), kaedah yang digunakan oleh keseluruhan jawatankuasa tersebut masih mengekalkan rujukan pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i sama ada yang wujud di dalam pendapat yang *qadim* ataupun *jadid*. Sekiranya kaedah ini bertentangan dengan kepentingan umum, jawatankuasa akan merujuk kepada beberapa pendapat daripada mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Walau bagaimanapun di Perlis, Jawatankuasa Syariah perlu memberikan pendapat mengikut al-Quran dan al-Sunnah, berbeza dengan kaedah yang digunakan oleh negeri-negeri lain.

Sebagai contoh, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak di dalam Seksyen 43 ada menjelaskan bahawa:

“(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakunkan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qaul* muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mahzab Shafie.

(2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul* muktamad Mahzab Shafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaul* muktamad Mahzab Hanafi, Maliki atau Hambali”

Manakala bagi Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis Bil 3/1964 di dalam Bahagian 2, Seksyen 7, Ceraian 4 pula:

“Tatkala Majlis mengeluarkan fatwa dan Jawatankuasa Syariah memberi pendapatnya, maka hendaklah badan itu mengikut al-Quran dan Sunnah Rasul Allah S.A.W”

Othman Ishak (1981) telah merumuskan hakikat di atas bahawa wujud perbezaan tatacara pengeluaran fatwa di antara negeri-negeri di Malaysia terutama di negeri Perlis.

Semua ini telah menunjukkan kewujudan dua bentuk pendekatan di dalam menetapkan sesuatu fatwa iaitu yang pertama pendekatan *madhhabi* yang secara dasarnya terikat dengan sesuatu mazhab dan yang kedua pendekatan tidak terikat dengan mazhab tertentu sebaliknya merujuk kepada sumber al-Quran dan Sunnah Rasul S.A.W. Lebih jelas yang berkaitan dengan kajian ini ialah perbezaan ketara yang wujud kepada pendekatan atau metodologi penetapan fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis dengan jawatankuasa-jawatankuasa fatwa seluruh negeri-negeri lain di Malaysia. Perbezaan ini sebenarnya perlu dilihat dengan teliti kerana hanya negeri Perlis yang berbeza metodologinya dalam penetapan fatwa berbanding keseluruhan negeri yang ada di Malaysia.

Oleh itu, satu kajian yang terperinci perlu dilakukan terhadap Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis melalui fatwa-fatwanya bagi memberi gambaran yang jelas berkenaan metodologi penetapan fatwa yang diamalkan.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian bagi penyelidikan ini ialah:

- 1- Apakah metodologi penetapan fatwa Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)?
- 2- Sejauhmanakah praktis penetapan fatwa di negeri Perlis adalah berasaskan metodologi yang telah digariskan melalui fatwa-fatwa terpilih 1990-2000 Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian bagi penyelidikan ini pula ialah;

- 1- Mengenalpasti metodologi penetapan fatwa Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP).
- 2- Menganalisis praktis penetapan fatwa di negeri Perlis berdasarkan metodologi yang telah digariskan melalui fatwa-fatwa terpilih 1990-2000 Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP).

1.5 DEFINISI TAJUK

Berdasarkan kepadauraian permasalahan kajian, terdapat beberapa istilah penting yang akan digunakan secara konsisten dalam kajian ini iaitu metode, penetapan, fatwa, Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis dan pengamalan. Berikut adalahuraian definisi tajuk bagi terma-terma tersebut:

- i. Metodologi: Sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya (Kamus Dewan, 2002: 887). Lebih jelas lagi, metodologi atau manhaj ialah satu cara yang digunakan untuk mendapatkan keputusan dengan perantaraan kaedah tertentu (Mustafa Bashir al-Tarabilisi, 2010: 61-62)
- ii. Penetapan: Penetapan ialah berkaitan perihal menetapkan, pemastian, penentuan (Kamus Dewan, 2002: 1439).
- iii. Fatwa: Fatwa ialah satu bentuk penjelasan dan penerangan hukum realiti di dalam sesuatu masalah. Terdapat tiga perkara penting yang perlu ada di dalam fatwa iaitu; Pertama: Pihak yang mengeluarkan fatwa perlu mempunyai kapasiti fiqh dan

- hukum-hukum Islam dan; Kedua: Fatwa akan dikeluarkan selepas dikemukakan pertanyaan, dan yang ketiga ialah perkara yang diminta untuk difatwa perlu berkaitan dengan hukum syarak (Mohd Akram Dahaman, 2005).
- iv. Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP): Jawatankuasa ini merupakan salah satu badan yang ditubuhkan pada tahun 1964 selaras dengan pewartaan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis sehingga nama jawatankuasa ini ditukar kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP) setelah Undang-undang Negeri Perlis, Enakmen 4, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 dipinda. JSNP berperanan sebagai penasihat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam perkara berkaitan fatwa. Segala masalah dan isu yang memerlukan fatwa akan melalui jawatankuasa ini untuk dibincangkan dengan teliti sebelum diluluskan oleh pihak MAIPs (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis, 1964).
- v. Pengamalan: Pengamalan membawa maksud perihal mengamalkan, melaksana, melakukan sebagai satu kebiasaan pada praktiknya (Kamus Dewan, 2002: 33).

1.6 BATASAN DAN SKOP KAJIAN

Kajian ini akan menumpukan kepada kajian melibatkan metodologi dan set kaedah yang digunakan oleh JSNP dalam penetapan fatwa sebelum pindaan dibuat pada tahun 2006 melibatkan Undang-undang Negeri Perlis, Enakmen 4, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 yang menukar nama jawatankuasa ini kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Analisis kepada teks-teks fatwa daripada tahun 1990 sehingga 2000 akan dilakukan dalam rangka untuk mendapat dapatan dari sudut ketepatan penggunaan metode yang telah ditetapkan.

Kajian ini juga akan meneliti latarbelakang JSNP sebelum pindaan kepada JFNP dari sudut sejarah penubuhan, peranan, keahlian, struktur organisasi dan cara-cara pengeluaran fatwa yang lebih bersifat pentadbiran.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Pendekatan yang wujud di Malaysia berkaitan metodologi penetapan fatwa adalah jelas dibahagikan kepada dua kelompok. Selain negeri Perlis, mengambil satu set pendekatan atau metodologi mazhabi yang jelas diikat dengan pandangan mazhab tertentu dalam menetapkan sesuatu fatwa. Manakala Perlis, sebagai satu-satunya negeri yang berbeza daripada negeri-negeri lain di dalam hal ini. Metodologi penetapan fatwa Perlis adalah tidak terikat dengan mazhab tertentu, menjadikan asas penentuan dan penetapan fatwa dengan merujuk kepada al-Quran dan Sunnah. Realiti perbezaan yang unik ini memerlukan satu kajian yang mendalam bagi memberikan gambaran yang jelas tentang metodologi penetapan fatwa negeri Perlis.

Metodologi penetapan fatwa negeri Perlis yang berbeza daripada biasa yang wujud di negeri-negeri lain ini juga akan cuba dinilai daripada sudut praktik dan pengamalannya. Analisis terhadap teks-teks fatwa negeri Perlis perlu dilakukan untuk tujuan ini agar dapat memberikan wajah sebenar metodologi penetapan fatwa Perlis. Dengan cara menilai pengamalan metodologi penetapan fatwa melalui teks-teks fatwa akan dapat memberi hasil yang jelas tentang kedudukan sebenar pendekatan ketidakterikatan JSNP dengan sesuatu mazhab dan hakikat sebenar merujuk kepada al-Quran dan Sunnah seperitimana yang tercatat di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Agama Islam Perlis.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang akan digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kualitatif (Marshall C & Rosman G.B, 2006). Kaedah ini dipilih kerana lebih sesuai dengan kajian seperti ini yang tidak berasaskan hipotesis. Selain itu, kaedah ini juga mampu membentuk suasana yang lebih kondusif dan kajian ini boleh dijalankan secara lebih natural (Merriam S.B, 1998).

Bentuk kajian yang menjadi tonggak kepada penyelidikan ini ialah “Kajian Teks” (Kenneth D. Bailey, 1984). Kajian teks akan dilakukan terhadap fatwa-fatwa terpilih yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariyyah Negeri Perlis. Pemilihan beberapa fatwa tersebut adalah bagi memberi tumpuan untuk mengenalpasti metode penetapan fatwa JSNP serta melihat dengan jelas pengamalan sebenar penetapan fatwa JSNP melalui fatwa-fatwa tersebut. Oleh itu, fatwa-fatwa yang dipilih adalah dikira sangat hampir bagi membuktikan perkara tersebut. Pemilihan fatwa-fatwa ini juga dilakukan kerana jumlah fatwa adalah banyak, hal pemilihan ini akan memberikan lebih fokus dan menjurus kepada objektif penyelidikan.

Beberapa kaedah digunakan untuk mengumpul data dan seterusnya menganalisis data-data tersebut dengan tersusun dan teliti. Berikut adalah kaedah-kaedah pengumpulan data dan penganalisisan data:

a) Pengumpulan data:

i. Kajian Perpustakaan

Data-data dikumpulkan menggunakan bahan-bahan yang telah didokumen seperti manuskrip, fail rekod, buku-buku, makalah, artikel, kertas-kertas kerja dan sebagainya (Thomas Mann, 1987). Pengumpulan data dan

maklumat berlaku pada semua data yang melibatkan penetapan fatwa yang berlaku sama ada bersifat klasik mahupun kontemporari. Begitu juga dengan segala maklumat bersangkutan Jawatankuasa Syariyyah Negeri Perlis. Data-data ini akan dikumpulkan menggunakan pelbagai medium, sama ada berbentuk *hardcopy* mahupun *softcopy*. Semua data yang telibat boleh didapati di perpustakaan seperti di UM, UKM, UIAM, USIM, UUM dan USM, Perpustakaan Mufti Perlis dan Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Juga boleh didapati daripada orang perseorangan terutama individu yang telibat secara langsung dengan urusan fatwa seperti pegawai agama dan mufti negeri melibatkan negeri Perlis. Capaian melalui media elektronik juga boleh digunakan bagi mendapatkan semua maklumat yang berkaitan.

Perkara yang paling utama berkaitan data dan maklumat penyelidikan ini ialah pengumpulan dokumen-dokumen fatwa. Semua dokumen ini dikumpulkan daripada rekod Jabatan Mufti Negeri Perlis melibatkan minit mesyuarat JSNP dan keputusan-keputusan permasalahan serta fatwa. Semua dokumen ini juga boleh dikutip dan didapati daripada milik peribadi ahli-ahli JSNP. Keizinan daripada pihak berwajib adalah perlu sama ada daripada pihak Jabatan Mufti mahupun ahli-ahli JSNP.

ii. Kajian Lapangan

Data-data dan maklumat juga dikumpul serta dikutip melalui perantaraan temubual khususnya melibatkan maklumat yang tidak didokumentasikan seperti sejarah penubuhan dan metodologi rujukan sumber hukum yang diaplikasikan di dalam penetapan sesuatu fatwa serta maklumat tambahan bagi menyokong data-data yang telah wujud di dalam dokumen. Temubual

dapat dilakukan di dalam tiga jenis sama ada berstruktur, semi-struktur dan tidak berstruktur (Chua Yan Piaw, 2006). Antara responden yang terlibat di dalam kajian ini ialah:

- Anggota-anggota JSNP yang melibatkan pengurus jawatankuasa iaitu Mufti Kerajaan Perlis dan ahli-ahlinya yang terbahagi kepada dua iaitu ahli daripada anggota MAIPs dan ahli bukan daripada anggota MAIPs.
- Mantan Mufti Kerajaan Negeri Perlis ketika fatwa-fatwa dikeluarkan daripada tahun 1990 hingga 2000.
- Orang perseorangan yang terlibat secara langsung dengan hal ehwal agama Islam di Perlis, antaranya yang merupakan bekas ahli JSNP dan angota MAIPs.
- Pegawai-pegawai agama di Jabatan Mufti Negeri Perlis melibatkan Sahibus Samahah Mufti, Timbalan Mufti, juru istinbat dan lain-lain.
- Beberapa orang penulis dan pengkaji sejarah Perlis daripada sudut pergerakan ASWJ. Ini kerana pergerakan ini banyak memberi kesan kepada metodologi penetapan fatwa yang diamalkan di negeri Perlis.

b) Analisis data:

i. Kaedah *Content Analysis*

Kaedah ini memerlukan kepada satu penetapan tema tertentu agar proses analisis terhadap teks itu tidak mengimpang (Muhammad Haji Yusuf, 1993).

Dalam kajian ini, tema tersebut adalah berkaitan dengan metodologi penetapan fatwa JSNP dan pengamalannya. Analisis kandungan ini dilakukan dengan memilih teks yang sesuai berasaskan objektif kajian yang

dilakukan. Oleh itu sampel yang digunakan untuk tujuan ini ialah fatwa-fatwa terpilih tahun 1990 sehingga 2000 yang dikeluarkan oleh JSNP.

Terdapat enam langkah bersifat umum di dalam menggunakan kaedah ini. Langkah-langkah tersebut meliputi langkah pertama dengan mengenalpasti permasalahan kajian, kedua ialah memilih sampel, ketiga pula ialah membaca dan merekodkan isi kandungan mengikut peraturan objektif, keempat ialah menentukan skor-skor yang dipilih, kelima ialah membandingkan skor-skor yang diperolehi dan yang terakhir ialah memberi interpretasi hasil kajian (Syed Arabi Idid, 1999). Berikut ialah maklumat langkah-langkah tersebut berdasarkan kajian ini:

Jadual 1.1: Langkah-langkah Analisis Kandungan

Langkah 1	Mengenalpasti Permasalahan Kajian	Praktis Metodologi Penetapan Fatwa oleh JSNP
Langkah 2	Pemilihan Sampel Kajian	Fatwa-fatwa terpilih tahun 1990 sehingga 2000
Langkah 3	Membaca dan Merekod Isi Kandungan	Menganalisis 10 fatwa terpilih bersabit dengan sumber rujukan hukum dan pandangan mazhab-mazhab ASWJ
Langkah 4	Menentukan Skor	Skor diberikan pada setiap fatwa dari sudut sumber rujukan yang digunakan dan pandangan mazhab yang digunakan
Langkah 5	Membanding Skor	Membanding keseluruhan skor yang diberikan pada setiap fatwa berkaitan dengan sumber rujukan yang digunakan dan pandangan mazhab yang digunakan
Langkah 6	Interpretasi Hasil Kajian	Memberikan hasil kajian terhadap praktis sebenar JSNP terhadap metodologi penetapan fatwa yang telah disepakati penggunaannya

1.9 KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan tajuk kajian bersama-sama persoalan dan objektifnya, kajian ini adalah berkaitan dengan metodologi penetapan fatwa, praktik dan pengamalannya di dalam penetapan fatwa yang melibatkan JSNP. Oleh itu sorotan kajian perlu dilakukan terhadap:

- a) Jawatankuasa Fatwa Negeri di Malaysia (Organisasi dan Pentadbiran)

Terdapat beberapa penulisan dan kajian yang membabitkan jawatankuasa fatwa negeri khususnya berkaitan organisasi dan pentadbiran. Ahmad Ibrahim di dalam penulisan beliau bertajuk “Acara Mufti membuat Fatwa” telah membuat huraian tentang perlantikan mufti, penubuhan jawatankuasa fatwa negeri-negeri dan statut berkaitan dengannya. Pengemukaan perkara-perkara ini juga telah dibuat oleh Suwaid Tapah di dalam kajian beliau bertajuk “Undang-undang Pentadbiran Fatwa di Malaysia”.

Mohamed Azam Mohamed Adil di dalam kajian yang dimuatkan di dalam buku “Fatwa di Malaysia” bertajuk “Organisasi dan Pentadbiran Jabatan Mufti” telah memberikan informasi yang lebih jelas berkaitan hal ini. Beliau telah mengetengahkan fakta-fakta dalam bentuk jadual daripada sudut carta pentadbiran dan strukturnya sama ada melibatkan organisasi jabatan mufti, bahagian dan unit di dalam jabatan ini, Jawatankuasa Fatwa dan keanggotaan dan yang terpenting ialah mengenalpasti tahap kepuasan pengguna terhadap pentadbiran dan struktur organisasinya.

Dato’ Dr. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abdul Majid pula di dalam artikel mereka bertajuk “Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia” telah mengupas dan menghurai kedudukan pentadbiran institusi mufti di Malaysia daripada perspektif sejarah, perundangan dan juga amalan.

Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi di dalam karya beliau “*Muassasah al-Ifta’ fi al-Mujtama’ al-Malizi*” telah membuat satu aturan baru daripada keseluruhan fakta-fakta di dalam karya-karya di atas. Buku ini cuba untuk menjelaskan sejarah institusi fatwa di dalam Islam dan di Malaysia serta perkembangan dan peranannya dalam masyarakat. Turut diketengahkan beberapa individu penting berhubung dengan institusi fatwa di Malaysia. Selain itu, beliau juga mengetengahkan dari sudut konsep fatwa seperti bentuk perlantikan mufti dan syarat-syaratnya.

Kajian-kajian lain yang bersangkutan pula ialah “A Preliminary Outline of Fatawa in Malaysia: 1960-1982” oleh Sidi Ahmad Abdullah, “Fatwa di Malaysia: Satu Penilaian Sejarah” oleh Abdul Hamid Yunus dan Mazni Abdul Wahab dalam “Pentadbiran Fatwa di Negeri Selangor: Kajian Terhadap Enakmen Pentadbiran Perundungan Islam Selangor 1989”.

Secara keseluruhan, semua karya dan penulisan di atas ada menyentuh berkenaan aspek pentadbiran dan organisasi fatwa negeri-negeri di Malaysia. Namun belum ada satu penulisan khusus berkenaan dengan Jawatankuasa Fatwa Negeri yang menjurus perbincangannya mengenai Jawatankuasa Syariyyah Negeri Perlis secara lebih mendalam dan berfokus. Hal ini menjadi satu keperluan kerana asas kewujudan institusi fatwa merupakan bidang kuasa negeri masing-masing. Ini menyebabkan struktur, organisasi dan pentadbiran semua Jawatankuasa Fatwa Negeri adalah berbeza.

b) Jawatankuasa Syariyyah Negeri Perlis (JSNP)

Sebagaimana yang dijelaskan di atas, setakat gapaian dan capaian maklumat terhadap penulisan dan kajian berkaitan Jawatankuasa Fatwa Negeri, tidak dijumpai satu kajian yang menyeluruh dan berfokus kepada JSNP. Kajian yang ada hanya memberi maklumat asas

kepada jawatankuasa-jawatankuasa fatwa di negeri-negeri termasuk Perlis. Oleh itu keperluan meneliti hal-hal berhubung organisasi dan pentadbiran urusan fatwa di negeri Perlis adalah mendesak.

Walaupun kajian ini tidak memberi tumpuan kepada perkara-perkara organisasi dan pentadbiran institusi fatwa, akan tetapi semua perkara ini perlu diteliti dan diketengahkan bagi memberi gambaran menyeluruh tentang jawatankuasa ini. Bagi meneliti secara lebih mendalam hal-hal berkaitan metodologi, maklumat menyeluruh mengenai institusi fatwa yang ada perlu diberikan termasuk pentadbiran dan organisasi.

c) Metodologi Penetapan Fatwa

Terdapat banyak karya yang berkaitan dengan metodologi penetapan fatwa di dalam pelbagai sama ada berbahasa Arab, Inggeris dan juga bahasa Malaysia. Namun begitu, penulisan-penulisan yang merujuk terus kepada konteks kajian ini antaranya di dalam bahasa Arab ialah “*al-Fatwa*” karangan Dr. al-Shaykh Husin Muhammad al-Mallah. Buku ini secara amnya menyentuh keseluruhan aspek berkaitan fatwa. Namun begitu, penekanan telah diberikan oleh beliau di dalam menjelaskan secara khusus topik-topik berkaitan set-set kaedah dan metodologi penetapan fatwa seperti yang diaplikasikan oleh ulama Islam sepanjang sejarah, perbahasan berkaitan sumber rujukan hukum dan beberapa pendekatan yang digunakan oleh ulama di dalam menangani isu-isu kontemporari. Selain beliau, buku karangan Muhammad Sulayman Abdullah al-Ashqar iaitu “*al-Futya wa Manahij al-Ifta*” cuba membincangkan isu kefatwaan dan metodologi penetapan fatwa dalam bentuk yang berbeza. Jika al-Mallah masih menumpukan bentuk perbincangan topik-topik yang ada di dalam *Usul al-Fiqh*, al-Ashqar membawa topik-topik segar bersangkutan secara langsung dengan persoalan kefatwaan seperti skop kerja mufti dan keperluan umat Islam

kepada mufti, manakala metodologi penetapan fatwa pula seperti fatwa menggunakan pendapat mazhab dan persoalan beberapa pendekatan berfatwa kontemporari.

al-Shaykh Abdullah bin Bayyah juga membincangkan tajuk pembikinan fatwa yang membabitkan topik metodologi penetapan fatwa di dalam fasa pertama karyanya bertajuk “*Sina’ah al-Fatwa wa Fiqh al-Aqalliyyat*”. Beliau cuba mengetengahkan perbincangan berkaitan sumber rujukan hukum dan beberapa metodologi penetapan fatwa klasik mahupun kontemporari.

Antara penulisan bersangkutan dengan fatwa dan kefatwaan membabitkan metodologi dan pendekatan fatwa yang ditulis di dalam bahasa Inggeris ialah “*Islamic Law: Theory and Practice*” oleh Robert Gleave. Buku ini banyak menyentuh secara khusus perbincangan urusan kefatwaan yang juga membabitkan proses pembikinan fatwa dan sumber rujukannya. Begitu juga dengan penulisan Mohammad Hashim Kamali “*Shari’ah Law: An Introduction*” melalui satu topik yang menjelaskan hakikat sebenar fatwa sebagai *juristic opinion* dan mempunyai set kaedah dan metodologi di dalam penetapannya.

Buku “*Manhaj Pengeluaran Fatwa dalam Fiqh Islam*” yang merupakan kompilasi kertas kerja persidangan antarabangsa anjuran INFAD USIM adalah lebih menjurus terus kepada perbincangan manhaj dan metodologi penetapan fatwa. Kertas-kertas kerja yang dikumpulkan membincangkan isu metodologi dan manhaj yang digunakan oleh sama ada individu, mazhab, badan berwenang fatwa, klasik mahupun kontemporari.

Melihat kepada karya-karya yang wujud bersangkutan metodologi penetapan fatwa, kedapatan banyak penulisan yang meneliti perkara ini sama ada dalam bahasa Malaysia dan Inggeris tambahan pula di dalam bahasa Arab. Perkara ini menunjukkan bahawa kajian dan penulisan terhadap metodologi penetapan fatwa adalah sangat perlu diteliti dan skop

penyelidikannya juga adalah terbuka luas. Masih banyak ruang dan isu yang perlu diteliti mengikut objektif masing-masing.

d) Metodologi Penetapan Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri di Malaysia

Kajian terawal membabitkan metodologi penetapan fatwa bagi badan berwenang fatwa di Malaysia sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan ialah “Fatwa in Malaysia 1960-1985” oleh M.B. Hooker. Beliau membuat analisis kritikal terhadap beberapa pendekatan dan kaedah penetapan fatwa di Malaysia melalui beberapa buah fatwa terpilih. Seterusnya Dr. Othman Ishak di dalam kajian Phd beliau “Satu Kajian Kritikal Mengenai Institusi Fatwa dalam Hukum Syarak di Negeri-negeri Melayu: Sejarah dan Interpretasinya”. Antara tumpuan yang diberikan dalam kajian beliau ialah pada aspek metodologi penetapan fatwa jawatankuasa-jawatankuasa fatwa negeri di Malaysia. Wujud perbezaan tatacara pengeluaran fatwa di antara negeri-negeri di Malaysia melibatkan metodologi penetapan fatwa oleh jawatankuasa fatwa negeri.

Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi di dalam karya beliau “Muassasah al-Ifta’ fi al-Mujtama’ al-Malizi” juga cuba menjelaskan tentang metodologi-metodologi yang ada di Malaysia dalam menetapkan fatwa melibatkan badan berautoriti fatwa sama ada diperingkat nasional mahupun negeri.

Kajian juga telah dijalankan oleh Noor Naemah Abd Rahman terhadap Jemaah Ulama Kelantan di dalam tesis beliau “Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an hingga 1990an”. Di dalam kajian ini turut disentuh isu metodologi penetapan fatwa yang diambilpakai oleh Jemaah Ulama Kelantan melibatkan pendekatan mazhabi.

Begitu juga dengan Wan Ab Rahman Khudzri bin Wan Abdullah di dalam kajian beliau bertajuk “Analisis Penggunaan Kaedah Istinbat dalam Penetapan Fatwa di Malaysia: Kajian

di beberapa Jabatan Mufti Dipilih”. Antara perkara yang diteliti beliau ialah kaedah penetapan yang diambil oleh badan berwenang fatwa di Kelantan, Perlis, Wilayah Persekutuan dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di dalam mengistinbat hukum.

Kajian-kajian metodologi penetapan fatwa membabitkan jawatankuasa fatwa negeri-negeri di Malaysia banyak dilakukan khususnya di peringkat pengajian sarjana seperti Alias Azhar di dalam “Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dalam Mengeluarkan Fatwa-fatwa: Kajian Dari Tahun 1985-1995” dan “Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang dari Tahun 1980 hingga 1997: Satu Analisis” oleh Ahmad Zaharudin Mohd Alias. Namun begitu tidak terdapat satu kajian menyeluruh berkaitan metodologi penetapan fatwa terhadap negeri Perlis yang merupakan satu-satunya negeri yang berbeza dengan pengamalan dan praktis negeri-negeri yang lain di Malaysia.

1.10 KESIMPULAN

Metodologi penetapan fatwa membabitkan hukum syarak merupakan satu perkara asas dalam usaha ulama mengeluarkan penyelesaian hukum Islam sama ada secara individu ataupun kolektif. Perkara ini telah dibuktikan melalui fakta-fakta sejarah pembinaan hukum Islam dari zaman Rasulullah SAW sehingga kini.

Di dalam konteks Malaysia, urusan agama Islam termasuk fatwa adalah berada di bawah autoriti negeri masing-masing. Melalui banyak penulisan dan kajian berkaitan amalan fatwa di Malaysia melibatkan negeri-negeri, terdapat dua bentuk metodologi penetapan fatwa yang berbeza iaitu fatwa-fatwa yang ditetapkan melalui pendekatan mazhabi iaitu terikat dengan satu-satu mazhab dan pendekatan tidak terikat dengan mazhab tertentu dengan memperuntukkan rujukan asal yang disepakati iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Pendekatan

pertama diambilpakai oleh kebanyakkan negeri di Malaysia melainkan Perlis yang mengambilpakai pendekatan kedua.

Bagi meneliti dan memberikan gambaran sebenar pendekatan yang diambil oleh Perlis lebih khusus lagi oleh JSNP, satu kajian spesifik perlu diambil. Begitu juga bagi menilai praktis sebenar metodologi penetapan fatwa ini berlaku, satu kajian terhadap pengamalan metodologi ini perlu dilakukan secara saintifik.

BAB DUA

METODOLOGI PENETAPAN FATWA JAWATANKUASA SYAR'IYYAH NEGERI

PERLIS (JSNP)

2.1 SEJARAH PENUBUHAN JAWATANKUASA SYAR'IYYAH NEGERI PERLIS (JSNP)

Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP) merupakan salah sebuah badan berwenang fatwa di peringkat negeri Perlis. Terdapat peruntukan yang diberikan oleh undang-undang negeri berkenaan pengwujudan, kuasa dan tugas jawatankuasa ini. Untuk melihat dengan lebih jelas lagi kedudukan jawatankuasa ini yang merupakan antara badan terpenting dalam urusan fatwa peringkat negeri, penjelasan dari aspek sejarah pembentukan adalah sangat penting. Hal ini dapat mengemukakan kedudukan sebenar JSNP dari mula penubuhan sehingga kini seterusnya memberi gambaran yang jelas berkenaan JSNP.

2.1.1 Sejarah Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)

Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP) bermula secara rasmi pada 1964, di bawah satu undang-undang yang berkaitan dengan cara pentadbiran agama Islam dan adat istiadat melayu diluluskan sebagai Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis (1964). Pada seksyen lapan (8) ceraian satu (1) undang-undang tersebut ada menyatakan kewujudan jawatankuasa, fungsi dan keahlian. Bermula daripada detik ini, secara rasmi wujud

Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis. Antara fungsinya ialah sebagai penasihat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam perkara berkaitan fatwa (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964).

Menurut temuramah yang dilakukan dengan Ustaz Roslan Esa iaitu Timbalan Mufti Negeri Perlis (2 November 2012), sebelum tarikh tersebut semua pertanyaan dan kemosykilan agama yang memerlukan fatwa akan dirujuk kepada mufti negeri. Mengikut rekod Jabatan Mufti Negeri Perlis, jawatan mufti yang mula wujud secara rasmi di negeri Perlis bermula pada tahun 1941 iaitu Syeikh Mahmod bin Hj. Mohd Saman. Segala permasalahan yang timbul dan memerlukan fatwa akan diselesaikan oleh tuan mufti dengan ijтиhadnya ataupun beliau akan membentuk jawatankuasa tidak rasmi bagi membincangkan isu tersebut. Berdasarkan temuramah yang dilakukan dengan Dato' Setia Bakti Haji Nordin bin Ismail sebagai ahli paling lama berkhidmat di dalam JSNP (15 Disember 2012), perkara ini terjadi disebabkan ketika itu, masih belum ada peruntukan undang-undang menyatakan sebarang bentuk kuasa melibatkan urusan fatwa kerana undang-undang rasmi untuk negeri masih belum wujud.

Pada 1 Februari 1948 bersamaan 21 Rabiul Awal 1367, Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis dimasyhurkan dan wujud di dalamnya peruntukan yang menyatakan tentang Raja boleh menubuhkan sebuah majlis agama Islam bagi membantu serta menasihatinya dalam perkara berkaitan agama Islam dan adat istiadat melayu. Dengan kewujudan Majlis, segala masalah yang timbul dan memerlukan fatwa rasmi akan dibawa masuk ke dalam MAIPs dan dibincangkan di situ tanpa melibatkan jawatankuasa lain (Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948).

Dengan pembentukan jawatankuasa ini secara rasmi pada tahun 1964, segala masalah yang timbul dan memerlukan fatwa akan melalui jawatankuasa dahulu untuk dibincangkan dengan teliti sebelum diluluskan oleh MAIPs. Menurut Dato' Setia Bakti Haji Nordin bin Ismail lagi (15 Disember 2012), antara ahli-ahli yang dilantik oleh Raja untuk mengisi Jawatankuasa Syariah ialah Syeikh Mahmud bin Hj. Mohd Saman yang merupakan Mufti Kerajaan Perlis merangkap pengurus Jawatankuasa, Ustaz Hj. Nordin bin Ismail (Dato' Setia Bakti), Ustaz Salleh bin Othman, Dato' Hj. Derani bin Setia dan Haji Ghazali bin Hj. Ahmad.

Pada tahun 1988, telah berlaku pindaan pada bilangan keahlian Jawatankuasa iaitu pada seksyen lapan (8) ceraian satu (1). Pindaan itu menjadikan bilangan ahli Jawatankuasa daripada lima orang kepada keahlian yang lebih besar iaitu tujuh orang;

- a) Mufti,
- b) Tiga orang daripada kalangan Ahli Majlis Agama Islam dan,
- c) Tiga orang lagi adalah daripada alim ulama yang bukan daripada kalangan Ahli Majlis Agama Islam (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964).

Ahli-ahli yang dilantik mengikut pindaan 1988 tersebut ialah;

- a) Mufti Kerajaan Negeri Perlis
- b) Ustaz Dahlan bin Mohd Zain
- c) Ustaz Ahmad bin Jusoh
- d) Ustaz Nordin bin Ismail
- e) Ustaz Saad bin Ismail
- f) Dr. Haron Din

g) Ustaz Abd Hadi bin Othman

Seiring dengan perkembangan semasa melibatkan struktur pentadbiran agama Islam di negeri-negeri, sekali lagi keahlian JSNP telah dipinda pada tahun 2006 dengan menambah bilangannya kepada sembilan orang sepetimana tercatat di dalam seksyen 46 ceraian dua (2). Malah nama Jawatankuasa ini juga ditukar kepada Jawatankuasa Fatwa. Menurut seksyen 46, ceraian satu (1): “Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa” (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Bil. 4/2006).

Sejak ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1964 sehingga kini, JSNP atau JFNP berjalan seiring dengan peranan Mufti Kerajaan sebagai penasihat DYMM Raja Pemerintah sepetimana yang wujud di dalam seksyen 45 (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Bil. 4/2006) dan peranan Jawatankuasa sebagai penasihat kepada MAIPs sepetimana yang wujud di dalam enakmen lama seksyen 8/1 (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964). Peranan itu ialah bagi memastikan segala permasalahan yang timbul dan perlu kepada fatwa dapat diselesaikan dengan baik mengikut metode yang disepakati dengan mengambilkira perubahan keadaan semasa dan setempat.

2.2 STRUKTUR ORGANISASI JAWATANKUASA SYAR’IYYAH NEGERI PERLIS (JSNP)

2.2.1 Struktur Jawatankuasa Syar’iyyah Negeri Perlis

Struktur organisasi JSNP dibentuk dengan mengambilpakai Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1964 (pindaan 1988), pada seksyen lapan (8) ceraian satu (1) dan ceraian tiga (3) iaitu;


8 (1) “Bagi maksud menasihati Majlis di atas sebarang perkara yang berkaitan dengan suatu fatwa yang hendak dikeluarkan menurut syarat-syarat yang disebutkan di atas, maka hendaklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Syariah yang mengandungi:-

- a) Mufti; dan
 - b) Enam orang lain yang beragama Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah, termasuk tidak lebih daripada tiga orang ahli Majlis”.
- (3) “Mufti hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Syariah”

Ahli-ahli JSNP adalah terdiri daripada golongan profesional dan ilmuan di dalam bidang-bidang tertentu dan terbahagi kepada dua kelompok. Kelompok pertama ialah ahli yang dilantik dalam kalangan ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), manakala kelompok kedua pula adalah bukan dalam kalangan ahli MAIPs.

Bagi tujuan memudahkan kerja-kerja perbincangan dan muzakarah, seorang setiausaha yang merupakan Pengarah Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) dan tiga orang urusetia daripada kakitangan JAIPs dilantik oleh MAIPs.

Rajah 2.1: Struktur Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis sehingga 2005




Struktur organisasi asas yang telah dibentuk mengikut peruntukan 1964 pindaan 1988 telah dibuat penambahbaikan pada tahun 2006 berpandukan Undang-undang Negeri Perlis, Enakmen 4, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006. Mengikut peruntukan baru tersebut, di dalam bahagian tiga, seksyen 46, ceraian dua (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Bil. 4/2006;

“(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada-

- (a) Mufti, sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Mufti;
- (c) Enam orang lain yang beragama Islam Ahli Sunnah Waljama'ah, termasuk tidak lebih daripada tiga orang anggota Majlis yang dilantik oleh Majlis; dan
- (d) seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai Setiausaha”

Rajah 2.2: Struktur Jawatankuasa Fatwa bermula 2006



Mengikut peruntukan baru yang telah dinyatakan di atas, berikut adalah ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP).

Jadual 2.1: Senarai Ahli Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)

Bil	Ahli
1	Sahibus Samahah Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda bin Jaya (Mufti Kerajaan Negeri)
2	Sahibul Fadhilah Ustaz Roslan bin Esa (Timbalan Mufti)
3	Sahibul Fadhilah Dato' Kaya Bakti Profesor Madya Dr. Mohd Radzi bin Othman
4	Sahibul Fadhilah Dato' Alim Setia Ustaz Ahmad bin Jusoh
5	Sahibul Fadhilah Dr. Abdullah bin Yasin
6	Sahibul Fadhilah YB Senator Dato' Dr. Johari bin Mat
7	Sahibul Fadhilah Dr. Azwira bin Abd. Aziz
8	Ustaz Abdul Hadi bin Haji Osman
9	Ustazah Nafizah bt Abd. Halim (Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis)

2.3 PROSEDUR PENGELUARAN FATWA JAWATANKUASA SYAR'IYYAH NEGERI PERLIS (JSNP)

Prosedur pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Syar'iyyah negeri Perlis adalah tertakluk kepada beberapa peruntukan yang ada di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1964. Peruntukan tersebut dengan jelas menyatakan proses pengeluaran fatwa daripada mula soalan dikemukakan sehingga fatwa tersebut diwartakan.

Berdasarkan peruntukan yang ada di dalam Seksyen Tujuh (7) Ceraian Satu (1) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis ternyata pengeluaran fatwa bukan merupakan bidang kuasa Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis. Pengeluaran fatwa berada di bawah bidang kuasa MAIPs.

“Mana-mana orang atau mana-mana Mahkamah yang ditubuhkan di bawah sebarang undang-undang bertulis bolehlah minta Majlis mengeluarkan fatwa di atas sebarang masalah yang berkaitan dengan Hukum Syarak dan Adat Istiadat Melayu” (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964: 6)

Tugas JSNP sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis, Seksyen Lapan (8), Ceraian Satu (1) ialah sebagai penasihat kepada MAIPs di atas sebarang perkara yang berkaitan dengan fatwa hukum syarak (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1964: 7). Dengan ini, MAIPs di dalam mengeluarkan sesuatu fatwa, boleh mengemukakan persoalan berkaitan kepada JSNP untuk dibincangkan. Setelah itu, keputusan perbincangan tersebut akan dibentangkan kepada MAIPs untuk difatwakan.

Sememangnya jika dilihat daripada dua peruntukan undang-undang tersebut telah menunjukkan bahawa JSNP hanya merupakan sebuah jawatankuasa yang diwujudkan untuk membantu MAIPs dalam mengeluarkan fatwa jika diperlukan. Namun begitu, peruntukan yang ada di dalam Seksyen Tujuh (7), Ceraian Tiga (3) menjelaskan bahawa MAIPs amat mengambil kira setiap pandangan dan keputusan yang diberikan oleh JSNP.

“(3) Berkaitan dengan satu pendapat yang diberikan kepadanya oleh Jawatankuasa Syariah menurut Ceraian (2) maka Majlis:- a) Hendaklah mengeluarkan fikiran itu sebagai satu fatwa sekiranya pendapat itu dipersetujui dengan sebulat suara oleh Ahli-ahli Jawatankuasa

Syariah; b) Hendaklah menimbang pendapat itu dan mengeluarkan satu fatwa berdasarkan kepadanya itu sekiranya pendapat itu dipersetujui oleh suara terbanyak daripada ahli-ahli Jawatankuasa Syariah, c) Boleh lah mempersembahkan pendapat itu kepada Raja Pemerintah untuk mendapat keputusannya jika sekiranya sesuatu pendapatan sebilangan ramai daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah tidak dipersetujui oleh Majlis. (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1964: 6)”

Menurut Ustaz Roslan Esa (2 November 2012), sepanjang penelitian yang dibuat sebagai salah seorang pegawai yang menjadi sekretariat tetap JSNP dan MAIPs, segala persoalan yang perlu difatwakan akan diserahkan perbincangannya kepada JSNP. Tugas MAIPs hanya melibatkan urusan mengeluarkan fatwa berdasarkan pandangan yang telah dikemukakan oleh JSNP.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa walaupun secara rasminya MAIPs yang mengeluarkan fatwa, akan tetapi cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh JSNP mempunyai pengaruh yang besar kepada setiap tindakan MAIPs dalam mengeluarkan fatwa.

2.3.1 Proses Pengeluaran Fatwa

Proses pengeluaran fatwa di negeri Perlis secara khususnya dan di Malaysia umumnya akan melibatkan lima pihak. Pertama melibatkan pihak yang bertanya, kedua melibatkan pihak Sultan atau Raja Pemerintah, ketiga pula melibatkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), manakala yang keempat ialah pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri, dan yang terakhir ialah Jabatan Mufti Negeri.

Menurut peruntukan yang disediakan di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis, proses pengeluaran sesuatu fatwa akan melibatkan kelima-lima pihak di atas

iaitu pihak yang bertanya sama ada individu maupun institusi, Raja Pemerintah sebagai Ketua Agama Islam Negeri Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis sebagai badan penasihat kepada Raja Pemerintah di dalam urusan agama Islam dan adat istiadat melayu dan Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis sebagai badan rujukan berfatwa negeri Perlis serta Jabatan Mufti Negeri Perlis sebagai sekretariat yang menguruskan perjalanan keseluruhan pihak-pihak di atas.

Proses pengeluaran fatwa yang melibatkan kelima-lima pihak ini mempunyai perbezaan berdasarkan soalan yang diajukan kepada Setiausaha MAIPs yang merupakan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs) ataupun kepada Jabatan Mufti Negeri.

a) Soalan yang diajukan kepada Setiausaha MAIPs

Setiap soalan yang diajukan kepada Setiausaha MAIPs yang merupakan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs) akan dilihat dan dipastikan sama ada persoalan itu merupakan pandangan hukum atau perkara baharu. Sekiranya soalan itu bersifat pandangan hukum, Setiausaha MAIPs akan menyerahkan kepada Mufti Kerajaan untuk menyelesaiannya.

Bagi persoalan yang bersifat baharu pula Setiausaha MAIPs akan membawa persoalan itu ke dalam mesyuarat MAIPs. Berdasarkan kapasiti keilmuan dan ikhtisas ahli-ahli mesyuarat MAIPs, mereka akan memutuskan tentang keperluan fatwa bagi persoalan tersebut. Sekiranya fatwa tidak diperlukan, MAIPs akan meminta pandangan Mufti Kerajaan ataupun memaklumkan kepada pihak yang bertanya sebab ketidakperluan fatwa.

Sekiranya perlu, MAIPs akan menyerahkan persoalan itu kepada mesyuarat Jawatankuasa Syariah untuk dibincangkan. Hasil dan keputusan perbincangan JSNP akan dibentangkan di dalam mesyuarat MAIPs. Berdasarkan keputusan itu, MAIPs akan bertindak sama ada;


Pertama: Mengeluarkan fatwa berdasarkan keputusan Jawatankuasa Syariah yang dipersetujui dengan sebulat suara oleh ahli-ahli Jawatankuasa Syariah

Kedua: Menimbang kembali keputusan Jawatankuasa Syariah dan mengeluarkan fatwa sekiranya dipersetujui oleh suara terbanyak dari ahli-ahli Jawatankuasa Syariah

Ketiga: Sekiranya sebilangan ahli Jawatankuasa Syariah tidak bersetuju, MAIPs boleh mempersempahkan pandangan itu kepada Raja Pemerintah untuk dibuat keputusan (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964: 6)

Setelah melalui mana-mana tindakan di atas, sesuatu fatwa boleh diwartakan jika sekiranya difikirkan perlu.

Rajah 2.3: Carta Aliran Pengeluaran Fatwa Melalui Soalan Kepada Setiausaha MAIPs



b) Soalan yang diajukan kepada Jabatan Mufti

Bagi soalan yang diajukan kepada Jabatan Mufti pula, soalan itu akan diserahkan kepada ketua jabatan ini iaitu Mufti Kerajaan Negeri Perlis.

Langkah pertama yang diambil oleh Mufti ialah melihat persoalan yang diajukan itu sama ada berbentuk pandangan hukum yang telah ada penjelasannya ataupun permasalahan baru yang belum wujud penyelesaian. Sekiranya soalan itu merupakan satu pandangan hukum, Mufti akan cuba menjelaskan hukum bagi permasalahan tersebut. Namun, bagi permasalahan yang tidak dapat diselesaikan oleh Mufti, beliau akan membawa persoalan itu ke peringkat seterusnya. Begitu juga dengan soalan-soalan yang disifatkan sebagai permasalahan baru.

Bagi dibincangkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Syariah, segala permasalahan baru dan permasalahan yang tidak dapat diselesaikan oleh Mufti, Mufti perlu meminta perkenan daripada Raja Pemerintah. Ini disebabkan Mufti merupakan seorang pegawai yang dilantik oleh Baginda Raja Pemerintah. Perkara ini tercatat di dalam Bahagian Tiga (3) Seksyen Sembilan (9) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964.

“Raja Pemerintah bolehlah melantik seseorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti bagi Negeri ini...” (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964)

Apabila permasalahan itu diperkenankan oleh Raja Pemerintah, Mufti akan membawa persoalan tersebut ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Syariah untuk dibincangkan dan mengeluarkan pandangan. Setelah keputusan dicapai, pandangan Jawatankuasa Syariah akan diserahkan kepada MAIPs untuk diambil tindakan sama ada:


Pertama: Mengeluarkan fatwa berdasarkan keputusan Jawatankuasa Syariah yang dipersetujui dengan sebulat suara oleh ahli-ahli Jawatankuasa Syariah

Kedua: Menimbang kembali keputusan Jawatankuasa Syariah dan mengeluarkan fatwa sekiranya dipersetujui oleh suara terbanyak dari ahli-ahli Jawatankuasa Syariah

Ketiga: Sekiranya sebilangan ahli Jawatankuasa Syariah tidak bersetuju, MAIPs boleh mempersempahkan pandangan itu kepada Raja Pemerintah untuk dibuat keputusan (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964: 6)

Setelah melalui mana-mana tindakan di atas, sesuatu fatwa boleh diwartakan jika sekiranya difikirkan perlu.

Rajah 2.4: Carta Aliran Fatwa Melalui Soalan Kepada Jabatan Mufti



2.4 METODOLOGI PENETAPAN FATWA JAWATANKUASA SYAR'IYYAH NEGERI PERLIS

Di dalam menjelaskan metodologi penetapan fatwa Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis, terdapat dua peruntukan undang-undang yang bersangkut langsung dengannya. Dua peruntukan undang-undang tersebut ialah:

- i. Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis (Laws of The Constitution of Perlis) 1948, Bahagian 2, Perkara 5, Ayat 1 ada menyatakan:

“The Religion of the State shall be the Muslim Religion Ahli Sunnah Waljama’ah as heretofore professed and practiced in the State”

bermaksud “Agama bagi Negeri ialah agama Islam Ahli Sunnah Waljama’ah seperti yang diamalkan di dalam Negeri”.
- ii. Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1964, Bahagian 2, Perkara 7, Ceraian 4 juga menyatakan:

“Tatkala Majlis mengeluarkan fatwa dan Jawatankuasa Syariah memberi pendapatnya, maka hendaklah badan itu mengikut al-Quran dan Sunnah Rasul Allah s.a.w”

Dua peruntukan ini secara umumnya telah meletakkan asas kepada metodologi penetapan fatwa yang diterapkan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis. Asas pertama kepada metodologi penetapan fatwa JSNP ialah berpegangan dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah. Perkara ini telah mengeluarkan pegangan-pegangan yang lain yang wujud di dalam kehidupan masyarakat Islam iaitu Khawarij, Syi’ah dan Mu’tazilah. Manakala asas yang kedua kepada metodologi penetapan fatwa JSNP ialah bersangkutan dengan rujukan dan sumber hukum. Sebagaimana yang tercatat di dalam peruntukan kedua, sumber hukum

dan asas rujukan dalam mengeluarkan pendapat, JSNP perlu mengikut al-Quran dan al-Sunnah.

Kedua-dua isi kandungan peruntukan ini tidak menjelaskan secara terperinci dasar-dasar yang perlu diambil oleh badan-badan yang berperanan dalam memutuskan fatwa. Oleh itu, Jawatankuasa Syariah telah bersidang dan bermuzakarah dengan panjang lebar untuk menetapkan maksud Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan di dalam masa yang sama memperjelaskan metodologi berfatwa di negeri Perlis berdasarkan ASWJ yang merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah. JSNP pada tahun-tahun akhir 80-an dengan persetujuan MAIPs telah mengeluarkan satu fatwa berkenaan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan dasar-dasar dalam ambilan sumber hukum bagi sesuatu fatwa yang dikeluarkan serta kedudukan pegangan kepada mazhab fekah.

2.4.1 Sumber Rujukan Hukum

Berdasarkan keputusan Fatwa Mengenai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang dikeluarkan oleh MAIPs, sumber-sumber rujukan hukum yang menjadi asas ambilan dan pertimbangan pandangan JSNP adalah seperti berikut:

“Dalam menimbang untuk mengeluarkan sesuatu fatwa, Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis berpandukan fatwanya itu atas dasar-dasar yang di bawah ini mengikut keutamaan seperti berikut:

- 1- Al-Quran al-Karim
- 2- Hadith Sahih
- 3- Ijma' Sahabat
- 4- Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w
- 5- Hadith Mursal dan Daif

- 6- Qiyyas ketika darurat
- 7- Masalah Mursalah
- 8- Sad al-Dharai'
- 9- Istihsan dan Istishab
- 10- 'Uruf
- 11- Qawa'id Fiqhiyyah (Keputusan Fatwa Mengenai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: 4)"

Jelas daripada fatwa penjelasan di atas bahawa JSNP di dalam menetapkan keputusannya perlu berpandukan pada dasar-dasar rujukan sumber hukum ini.

1. al-Quran al-Karim

Menurut Mahmood Zuhdi (1992) dan Abdul Karim Zaydan (1996), al-Quran al-Karim ialah kalam Allah yang telah siap terungkap diturunkan kepada Rasulullah s.a.w sebagai mukjizat dengan perantaraan malaikat Jibril a.s, ditulis di dalam Mashaf dan kemudiannya diriwayatkan secara mutawatir.

Daripada sudut bidang ilmu Usul al-Fiqh, al-Quran merupakan sumber asasi dalam menyatakan sesuatu hukum. Hukum-hukum itu sama ada dalam bentuk kaedah dan asas umum seperti pengharaman harta orang lain ataupun hukum yang terperinci seperti kadar penerimaan harta pusaka (Abdul Karim Zaydan 1996: 155).

Secara tegas, kewujudan al-Quran sebagai sumber asasi dalam menentukan hukum yang telah disepakati oleh ulama klasik mahupun komtemporari tanpa ada sebarang pertikaian dan perselisihan. Mereka menyatakan bahawa tidak harus bagi sesiapapun meninggalkan hukum yang jelas terdapat di dalam al-Quran (Wahbah Zuhayli 1996: j.1, 431)

Berdasarkan perkara-perkara di atas, JSNP telah memberi keutamaan dalam semua penyelesaian masalah dengan melihat kembali sumber asasi ini. Dalam erti kata lain, semua permasalahan sam ada berbentuk penerangan hukum yang sedia ada ataupun perkara baru, JSNP akan berusaha merujuk kepada nas-nas yang wujud di dalam al-Quran secara langsung ataupun tidak.

2. Hadith Sahih

Hadith *Sahih* merupakan tahap yang terkuat di dalam menjadikan sandaran kepada sesuatu hukum di dalam Islam selepas al-Quran. Hadith *Sahih* ialah segala perkataan, perbuatan dan pengakuan yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w serta memenuhi syarat-syarat tertentu iaitu bersambung sanad, para perawi memiliki sifat adil dan tepat hafalan serta sunyi daripada sebarang bentuk kegantilan (Dr. Mahmud Tahhan 1987: 34)

Ulama sama ada di dalam bidang hadith mahupun Usul Fiqh dan Fiqh secara keseluruhannya mengkategorikan Hadith Sahih sebagai salah satu sumber dalam menentukan hukum. Tidak harus bagi sesiapapun menolak kewujudannya sama ada secara sengaja ataupun tidak (Dr. Mahmud Tahhan 1987: 34)

Bagi JSNP, penggunaan Hadith Sahih adalah sebagai sumber kedua dalam menyatakan sesuatu hukum yang tiada penjelasan daripada al-Quran. Selain itu, Hadith Sahih juga memainkan peranan sebagai penjelas kepada kenyataan umum al-Quran.

3. Ijma' Sahabat

Ijma' Sahabat merupakan persefikatan generasi sahabat dalam mengeluarkan hukum bagi sesuatu masalah (Abd al-Wahhab Khallaf, t.t: 33). Menurut Husin Muhammad al-Mallah (2001), walaupun terdapat pertikaian berkaitan penghujahan Ijma; secara keseluruhan,

namun ulama bersepakat meletakkan Ijma' Sahabat di tempat yang tertinggi daripada jenis-jenis Ijma' yang lain. Kekuatannya sama seperti ayat al-Quran dan *Sunnah Mutawatirah* yang *Qat'i Dilalah*.

Bagi JSNP, sebenarnya tidak menolak kewujudan Ijma', akan tetapi percaya bahawa Ijma' yang berlaku pada zaman sahabat lebih hampir dengan al-Quran dan Sunnah. Ini kerana sahabat telah hidup bersama Rasulullah s.a.w dan mengetahui semua perkara berkaitan hukum sama ada sebab penurunan hukum, kata-kata Rasulullah s.a.w berkaitan hukum dan hikmah penurunan sesuatu hukum. Oleh itu apabila sesuatu permasalahan timbul, selepas ketiadaan nas-nas berkaitan di dalam al-Quran dan Sunnah, JSNP akan merujuk kepada Ijma' yang berlaku dalam kalangan generasi sahabat.

4. Fatwa sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w

Setelah dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah sudah diteliti dan tidak wujud penyelesaian, begitu juga tidak kedapatan Ijma' dalam kalangan sahabat, JSNP akan meneliti fatwa-fatwa sahabat yang lebih dekat dan hampir dengan kefahaman al-Quran dan al-Sunnah.

Bukan semua permasalahan yang berlaku terutama di zaman Sahabat telah mencapai kata sepakat. Ini kerana selepas Umar al-Khattab membenarkan Sahabat berhijrah (Abd al-Wahhab Khallaf, t.t: 41), sesuatu perkara yang timbul di tempat tinggal mereka itu akan cuba diselesaikan mengikut kefahaman dan pengetahuan mereka tentang nas-nas syarak. Ada di antara fatwa sahabat yang lebih hampir kepada kefahaman al-Quran dan ada yang sebaliknya.

Sebenarnya pendekatan ini digunakan oleh al-Imam Ahmad Ibn Hanbal. Selepas meneliti nas-nas syarak daripada al-Quran, al-Sunnah dan Ijma' Sahabat, masih lagi tidak mendapat penyelesaian, beliau akan menggunakan fatwa-fatwa Sahabat yang lebih hampir dengan al-Quran dan al-Sunnah (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 1996: 1/25).

5. Hadith *Mursal* dan *Da'if*

Hadith *Mursal* merupakan hadith yang terputus sanad selepas generasi tabi'in iaitu di peringkat generasi para sahabat Rasulullah s.a.w. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan *fuqaha'* dan *muhaddithin* tentang penghujahan kategori hadith ini, kebanyakkan ulama menerima penghujahannya dengan syarat-syarat tertentu. Antara syarat-syarat tersebut ialah perawi daripada kalangan generasi tabi'in tersebut perlu mencapai tahap *thiqah* dan mempunyai persamaan dengan fatwa-fatwa generasi sahabat (Mahmud Tahhan 1987: 71)

Manakala hadith *Da'if* pula ialah hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat hadis yang boleh diterima pakai sama ada yang tertinggi iaitu hadis *Sahih* ataupun yang terendah iaitu hadis Hasan (Mahmud Tahhan 1987: 63).

JSNP di dalam perkara ini masih mengekalkan pendirian mereka untuk tidak berganjak kepada penggunaan akal. Mereka di dalam keadaan ketiadaan penyelesaian hukum daripada al-Quran, Sunnah dan Ijma' sahabat serta fatwa sahabat tetap cuba untuk mengambil dan menggunakan hadis *Mursal* dan *Da'if* selagimana berada di dalam lingkungan sesuatu yang datang daripada Rasulullah s.a.w.

Pendekatan ini sebenarnya merupakan pendekatan Imam Ahmad bin Hanbal. Beliau menerangkan bahawa hadis *Da'if* yang dimaksudkan bukan berapa pada kategori mungkar dan batil serta wujud tohmahan yang sudah disepakati penolakan untuk berhujah (Ibn

Qayyim al-Jawziyyah 1996: 1/25). Yang dimaksudkan ialah perawi sesuatu riwayat yang tidak mempunyai sifat thiqah (Muhammad Abu Zuhrah 1987: 529)

6. Qiyyas ketika darurat

Qiyyas ialah menerapkan hukum asal ke dalam hukum baru disebabkan kewujudan persamaan illah antara keduanya (al-Amidi 1979: 3/233)

Ulama telah meletakkan *Qiyyas* sebagai salah satu sumber utama di dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan selepas al-Quran, Sunnah dan Ijma'. Ini kerana penetapan hukum yang dihasilkan adalah lahir daripada sumber-sumber asasi daripada wahyu ilahi sama ada al-Quran, Sunnah dan Ijma'.

Berdasarkan temubual dengan Dato' Alim Setia Ahmad bin Jusoh (18 Disember 2012), JSNP telah meletakkan penggunaan Qiyyas hanya pada ketika keadaan darurat. Darurat yang dimaksudkan ialah ketika ketiadaan nas-nas syarak yang jelas daripada al-Quran dan hadis Sahih serta Ijma' dan fatwa dalam kalangan sahabat r.a.

Sememangnya jika dibuat penelitian, penggunaan Qiyyas ketika darurat ini merupakan pendekatan yang dibawa oleh Imam Ahmad bin Hanbal. Pendekatan ini diambil adalah bertujuan untuk memastikan penggunaan akal tidak melebihi kewujudan wahyu sama ada daripada al-Quran ataupun al-Sunnah. Penerapan yang sama cuba diterapkan oleh JSNP di dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

7. *Masalih Mursalah*

Masalih Mursalah ialah penetapan hukum untuk kepentingan manusia yang tidak ada sebarang nas untuk dijadikan bukti sama ada boleh dilaksanakan, harus atau tidak boleh

dilaksanakan. Berlainan dengan *Masalih Mu'tabarah* dan *Masalih Mulghah* yang telah ditetapkan syarak penggunaan dan pembatalannya (Qutb Mustafa Sano 2000: 413-414).

Kebanyakkan fuqaha mengambilpakai Masalih Mursalah sebagai salah satu sumber rujukan hukum. Ini kerana keyakinan bahawa tujuan syarak di dalam sesuatu hukum adalah untuk memberi manfaat kepada manusia dan menolak kemudaratan daripadanya. Imam al-Ghazali berkata:

“Sekiranya kita berkata bahawa *Maslalah* itu merupakan penjagaan kepada tujuan pensyariatan hukum-hukum syarak, tidak ada sebab untuk kita berbeza pendapat dalam menggunakanya malah menjadi kewajipan pula” (al-Ghazali 1998: 311)

Bagi JSNP, hal ini bukan merupakan perkara yang besar yang perlu dipersoalankan sehingga berlaku perbahasan yang tak kunjung habis. Ini kerana kefahaman mereka bahawa setiap hukum syarak yang ditetapkan adalah untuk memberi manfaat kepada manusia dan menolak sebarang bentuk kemudaratan yang timbul.

8. *Sad al-Dharai'*

Sad al-Dharai' ialah sesuatu perkara yang tidak dilarang oleh syarak pada asalnya, namun ditakuti dngan melakukan perkara itu akan terjatuh ke dalam perkara yang dilarang oleh syarak (Husin Muhammad al-Mallah 2001: 532)

Ulama bersepakat di dalam menggunakan sumber ini sebagai salah satu sumber rujukan penetapan hukum. Perkara ini jelas didapati daripada kebanyakkan fatwa-fatwa sejak zaman Sahabat sehingga kini. Sumber ini sebenarnya tidak lari daripada prinsip syariat iaitu kemaslahatan manusia.

Bagitu juga dari sudut penggunaannya, Sad Dharai' adalah sesuatu yang pasti sekiranya tidak ada nas-nas yang jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah serta Ijma' sahabat dan fatwa mereka.

9. Istihsan dan Istishab

Istihsan ialah satu proses analogi atau qiyas yang kurang jelas persamaannya dengan hukum asal (Abd al-Aziz al-Bukhari 1990: 4/7). Penggunaan Istihsan ialah untuk mengatasi masalah hukum yang melebihi batas yang dijelaskan oleh ulama menggunakan Qiyas. Istihsan yang dimaksudkan bukan dengan menggunakan semata-mata akal dan nafsu manusia tetapi bersandarkan dalil-dalil syarak yang tertentu (al-Ghazali 1998: 311). Manakala Istishab pula ialah sesuatu yang kekal keadaannya selama mana tiada sesuatu yang boleh merubahnya (Abd al-Karim Zaydan 1996: 267).

Ulama secara umumnya mengiktiraf Istihsan dan Istishab sebagai sumber rujukan dalam menyelesaikan permasalahan walaupun ada kelompok yang menolak. Namun begitu, perbezaan antara ulama itu hanya berkisar tentang maksud sebenar dan had-had yang patut diikuti dalam menggunakan kedua-dua sumber ini (Husin Muhammad al-Mallah 2001: 469). Bagi JSNP, penggunaan kedua-dua sumber rujukan ini tidak dipersoalkan selagimana tidak menafikan kewujudan nas-nas al-Quran, al-Sunnah, Ijma' sahabat dan fatwa mereka.

10. ‘Uruf

‘Uruf merupakan perkara yang diketahui oleh manusia dan mereka mempraktikkan kebiasaan tersebut dalam kehidupan sama ada berbentuk perbuatan, perkataan ataupun sesuatu perkara yang mereka tidak lakukan (Abd Latif Muda 1997: 135)

Ulama sepakat menggunakan ‘Uruf sebagai salah satu sumber rujukan hukum selagimana tidak mengetepikan hukum yang jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah (Mustafa Ahmad al-Zarqa’ 1965: 2/879)

Bagi JSNP, ‘Uruf memainkan peranan yang besar dalam mengeluarkan sesuatu keputusan. Mereka juga menetapkan penggunaan ‘Uruf adalah tertakluk kepada nas-nas syarak. Sekiranya ada pertentangan dengan nas-nas syarak yang jelas, ‘Uruf tidak dikira dan langsung ditolak daripada digunakan, begitu juga sebaliknya.

11. *Qawa'id Fiqhiyyah*

Qawa'id Fiqhiyyah ialah satu asas yang bersifat majoriti, diterapkan di dalam masalah-masalah cabang untuk mendapatkan hukum (al-Syatibi 1996: 3/236).

Dalam mengiktiraf *Qawa'id Fiqhiyyah* sebagai salah satu sumber rujukan bagi menyelesaikan permasalahan hukum syarak, ulama menetapkan beberapa panduan, iaitu;

Sekiranya sesuatu kaedah adalah termasuk di dalam kategori *Qawa'id Kulliyah Kubra* yang berasal daripada nas al-Quran dan hadis. Penggunaannya tiada pertikaian kerana kaedah seperti ini merupakan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Sebagai contoh Allah s.w.t berfirman di dalam surah al-Baqarah ayat 185:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Bermaksud: “(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”

Ayat ini adalah asas kepada keberadaan kaedah “المشقة تحلب التيسير”. Manakala sabda Rasulullah s.a.w: ”إِنَّ الْأَعْمَالَ بِالنِّيَاتِ“ merupakan asas kepada keberadaan kaedah besar “الأمور بمقاصدها”.

- a) Sekiranya sesuatu kaedah berada di dalam kategori *Qawa'id Kulliyah Ghair Kubra* yang dihasilkan oleh ulama berdasarkan pengetahuan dan kefahaman mereka daripada sebahagian dalil dan hukum-hukum syarak. Penggunaannya adalah ketika ketiadaan nas-nas syarak daripada al-Quran dan al-Sunnah (Ibrahim Muhammad al-Hariri 1998: 68)

Terdapat persoalan berkaitan penggunaan *Qawa'id Fiqhiyyah* sebagai salah satu sumber rujukan hukum. Sepanjang sejarah ilmu *Usul al-Fiqh*, *Qawa'id Fiqhiyyah* tidak pernah dikategorikan sebagai sumber rujukan hukum.

Di dalam hal ini, JSNP sebenarnya menganggap selain daripada nas-nas syarak, semuanya adalah langkah-langkah yang boleh diambil dalam berijtihad. *Qawa'id Fiqhiyyah* merupakan salah satu sumber rujukan yang boleh digunakan ketika ketiadaan nas-nas syarak yang jelas.

2.4.2 Penetapan Fatwa dan Pandangan Mazhab Tertentu

Terdapat juga perkara berkaitan keterikatan fatwa dengan mazhab tertentu di dalam keputusan fatwa mengenai ASWJ yang diterbitkan oleh MAIPs iaitu “Majlis tidak terikat kepada mana-mana satu mazhab tertentu” (MAIPs, t.t: 1)

Pernyataan ini jelas menyatakan ketidakterikatan JSNP dan MAIPs dengan satu mazhab sahaja. Ini bermakna JSNP dan MAIPs memang mengambil dan menerima pendapat mazhab-mazhab muktabar yang ada seperti Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Tetapi penerimaan dan pengambilan pendapat mazhab itu perlu mempunyai sandaran yang kuat daripada al-Quran dan al-Sunnah serta Ijma' Sahabat Rasulullah. Pendirian ini jelas termaktub di dalam keputusan fatwa tersebut seperti berikut;

“Di dalam mazhab mana pun yang jelas dan nyata pendapat mereka itu dari kitab Allah atau Sunnah Rasulnya atau Jamaah Sahabat Rasulullah s.a.w maka Majlis sedia menerima dan beramal dengannya”

Pernyataan di atas ditambah lagi dengan menyatakan:

“Adapun mazhab-mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali pada pandangan rasmi Majlis adalah terhitung di dalam mazhab-mazhab yang muktabar yang tergolong di dalam istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Majlis Agama Islam Perlis memang berpandukan kepada mazhab itu dan mengambil pendapat mereka yang ada alasan daripada al-Quran, al-Sunnah dan Jamaah Sahabat Rasulullah s.a.w” (MAIPs, t.t: 1)

Keputusan fatwa di atas menyatakan bahawa JSNP di dalam memberi pandangan bagi sesuatu permasalahan untuk dikeluarkan fatwa oleh MAIPs memang meneliti semua pendapat yang ada di dalam mazhab dan menjadikan pendapat-pendapat mereka sebagai panduan. Malahan di dalam beberapa kes, JSNP mahupun MAIPs memang mengambil pendapat-pendapat tersebut dengan syarat mempunyai sandaran yang kuat daripada al-Quran, al-Sunnah dan Jama'ah Sahabat Rasul s.a.w.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat difahami bahawa keterikatan dengan sesuatu mazhab tidak menjadi asas kepada sesuatu fatwa. Akan tetapi di dalam apa-apa masalah yang timbul, semua pendapat yang dijelaskan oleh mazhab-mazhab akan menjadi panduan

kepada JSNP dalam memberi pandangan sebelum MAIPs mengeluarkan fatwa atau JSNP akan mengambil salah satu pendapat mazhab dengan syarat-syarat yang telah dinyatakan.

BAB TIGA

ANALISIS PRAKTIS METODOLOGI PENETAPAN FATWA OLEH JSNP MELALUI FATWA TERPILIH TAHUN 1990-2000

3.1 FATWA-FATWA JAWATANKUASA SYAR'IYYAH NEGERI PERLIS TAHUN 1990-2000

Fatwa pada takrifan undang-undang ialah keputusan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti dan telah diwartakan oleh kerajaan negeri bagi proses penguatkuasaan undang-undang (Berita Harian, 5 Januari 2004). Berdasarkan takrifan ini, daripada tahun 1990 hingga 2000 tidak ada sebarang fatwa yang telah dikeluarkan oleh Negeri Perlis melainkan keputusan yang dibuat sama ada di peringkat Jawatankuasa Syariah ataupun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Namun begitu, secara amnya keputusan-keputusan tersebut merupakan satu jawapan dan penjelasan kepada soalan yang diajukan dan sudah memenuhi prinsip asas kepada sesuatu fatwa. Oleh itu, maksud fatwa dalam konteks perbincangan ini ialah semua keputusan yang dikeluarkan oleh JSNP sama ada dipersetujui oleh MAIPs ataupun tidak, diwartakan ataupun tidak.

Terdapat sebanyak 20 fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis sekitar tahun 1990 sehingga tahun 2000. Disebabkan kajian ini melibatkan perbincangan dan penelitian terhadap metodologi yang diambil oleh Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP), hanya 10 fatwa yang boleh diperincikan dengan mendalam dari segi

metodologi dan manhaj. Sebab-sebab pemilihan 10 fatwa daripada 20 fatwa yang dikeluarkan oleh JSNP ialah:

- i. Perbincangan 10 fatwa yang dipilih, secara langsung melibatkan persoalan utama iaitu berkenaan sumber-sumber rujukan hukum
- ii. Perbincangan di dalam fatwa-fatwa berbaki hanya menyatakan keputusan tanpa menyatakan sumber rujukan hukum

Sepuluh fatwa tersebut ialah:

- i. Zakat Gaji (1991)
- ii. Bacaan al-Quran di tempat-tempat kematian (1993)
- iii. Pungutan zakat harta daripada anak Perlis yang bermastautin di luar Perlis (1995)
- iv. Pakaian pekerja Islam wanita (1996)
- v. Status agama bayi yang tidak diketahui agama ibubapa kandungnya (1996)
- vi. Sembahyang Jumaat bagi wanita (1997)
- vii. Seseorang Islam yang mengaku bukan Islam kerana mengelak daripada ditangkap atau sebab-sebab lain (1999)
- viii. Menyembunyi ahli waris (1999)
- ix. Penggunaan tag telinga pada binatang korban (1999)
- x. Harta pusaka orang bukan Islam diwarisi oleh orang yang beragama Islam (2000)

3.2 ANALISIS PRAKTIS METODOLOGI PENETAPAN FATWA TERPILIH OLEH JSNP

Analisis yang akan dilakukan terhadap semua fatwa terpilih ini adalah bertujuan untuk melihat praktis metodologi penetapan fatwa yang telah ditetapkan oleh JSNP. Di dalam erti kata lain, penyelidikan ini cuba melihat ketepatan JSNP di dalam mempraktikkan metodologi penetapan fatwa yang telah wujud dan dipersetujui penggunaannya.

Analisis terhadap praktis metodologi penetapan fatwa yang dimaksudkan adalah melibatkan dua perkara utama. Perkara pertama melibatkan kaedah merujuk kepada sumber-sumber rujukan hukum sepertimana yang telah dipersetujui penggunaannya. Manakala perkara kedua pula ialah melibatkan pengambilan pendapat-pendapat mazhab sepertimana yang telah dipersetujui pengambilpakaianya.

3.2.1 Zakat Gaji

a) Pendahuluan

Perbincangan mengenai zakat gaji ini telah bermula pada akhir tahun 80-an iaitu pada 24 Disember 1989 di dalam kertas kerja Jawatankuasa Syariah bil 1. Setelah beberapa sesi mesyuarat dan perbincangan, Jawatankuasa telah mengeluarkan keputusannya berkenaan zakat gaji pada tahun 1991 (Jabatan Mufti Perlis t.t: 4).

Takrif Gaji:

Gaji ialah pendapatan yang diperolehi oleh seseorang melalui pekerjaannya secara langsung atau tidak langsung (pencen, imbuhan dan sebagainya) dengan pihak lain sama ada kerajaan, swasta atau orang perseorangan

Dalil-Dalil Zakat Gaji:

Firman Allah dalam surah al-Taubah ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزْكِيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ

Maksudnya: “Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan doakanlah untuk mereka sesungguhnya doa kamu itu ketenteraman jiwa mereka dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”

Daripada Sunnah Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدْقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَاهُمْ وَتُرْدَى عَلَى فَقَرَائِبِهِمْ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah mewajibkan ke atas mereka sedekah pada harta-harta mereka, diambil daripada orang kaya mereka dan diberikan kepada golongan miskin faqir mereka” (Riwayat al-Bukhari)

عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ صَدْقَةٌ، قَالُوا: يَا نَبِيَّ اللَّهِ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ؟ قَالَ: يَعْمَلُ بِيَدِهِ فَإِنْفَعَ نَفْسَهُ وَيَتَصَدَّقُ، قَالُوا: إِنَّمَا يَعْمَلُ ذَلِكَ مَنْ لَمْ يَجِدْ؟ قَالَ: فَلَيَعْمَلْ بِالْمَعْرُوفِ وَلَيَمْسِكْ بِعَنِ الْشَّرِّ فَإِنَّمَا لَهُ صَدْقَةٌ

Maksudnya: “Setiap orang Muslim wajib bersedekah. Mereka bertanya: Wahai nabi Allah, bagaimana dengan yang tidak berada? Baginda menjawab: Bekerjalah untuk mendapatkan sesuatu untuk dirimu lalu bersedekah. Mereka bertanya: Kalau tidak mempunyai pekerjaan? Baginda bersabda: Berikan pertolongan kepada orang yang meminta pertolongan. Mereka bertanya: Bagaimana jika tidak biasa? Baginda menjawab: Kerjakanlah kebaikan dan tinggalkanlah kejahatan, hal itu merupakan sedekah. (Riwayat al-Bukhari)

Istinbat (Cara Mengambil Hukum):

Dari semua dalil-dalil yang dibentangkan itu, ahli Jawatankuasa Syariah telah berbincang dengan teliti cara mengambil hukum (istinbat) dalil-dalil yang tersebut dengan merujuk kepada (أَمْوَالُهُمْ) yang bererti harta-harta mereka secara umum. Oleh itu maka pendapatan daripada gaji termasuk di dalam istinbat (أَموال). Oleh yang demikian pendapatan daripada gaji yang telah ditakrifkan sebelum ini adalah diwajibkan zakat.

b) Analisis Metodologi Penetapan Fatwa:

Melihat kepada teks keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh JSNP, dalam menetapkan keputusan ini Jawatankuasa telah menggunakan beberapa sandaran daripada ayat al-Quran

dan al-Sunnah. Nas al-Quran yang digunakan ialah ayat 103 surah al-Taubah yang menjelaskan suruhan Allah SWT kepada Rasulullah SAW mengambil sebahagian daripada harta orang Islam yang merupakan zakat. Kemudian Jawatankuasa menggunakan dua hadith nabawi yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari. Kedua-dua hadith yang sahih tersebut menyatakan secara jelas kewajiban mengeluarkan zakat daripada harta-harta milik orang Islam.

Berdasarkan tiga nas ini daripada dua sumber hukum Islam, terdapat perkataan (أموالهم) yang bermaksud harta-harta mereka. Penggunaan perkataan ini adalah umum meliputi semua jenis harta termasuk pendapatan daripada gaji.

JSNP ketika mahu memutuskan hukum syarak berkaitan permasalahan ini telah menggunakan sandaran al-Quran daripada surah al-Baqarah ayat 103 yang menyatakan dengan jelas pengeluaran sebahagian harta yang dimiliki oleh orang-orang Islam. JSNP juga menyandarkan kewajipan mengeluarkan zakat gaji kepada dua hadis yang sahih diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari.

Di dalam mengeluarkan fatwa bagi isu ini, JSNP tidak mengambilpakaai mana-mana pendapat daripada mazhab-mazhab muktabar dalam kalangan ASWJ.

c) Kesimpulan:

JSNP di dalam menetapkan keputusan terhadap masalah ini telah menepati kaedah sumber rujukan hukum iaitu menggunakan rujukan al-Quran dan kemudiannya diperkuatkan dengan dalil-dalil daripada sumber rujukan al-Sunnah. Tiada sebarang pendapat daripada mazhab-mazhab muktabar ASWJ direkod pengambilkiraannya dalam mengeluarkan fatwa ini. Berikut adalah rajah bagi menunjukkan dua perkara tersebut;

i. Sumber Rujukan

Al-Quran al-Karim	✓
Hadith Sahih	✓
Ijma' Sahabat	- Tiada -
Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w	- Tiada -
Hadith Mursal dan Daif	- Tiada -
Qiyas ketika darurat	- Tiada -
Masalih Mursalah	- Tiada -
Sad al-Dharai'	- Tiada -
Istihsan dan Istishab	- Tiada -
'Uruf	- Tiada -
Qawa'id Fiqhiyyah	- Tiada -

ii. Pendapat Mazhab

Mazhab Hanafi	- Tiada -
Mazhab Maliki	- Tiada -
Mazhab Syafi'i	- Tiada -
Mazhab Hanbali	- Tiada -

3.2.2 Bacaan al-Quran di Tempat-tempat Kematian

a) Pendahuluan

Masalah ini telah dibangkitkan dalam mesyuarat kedua JSNP pada tahun 1993 iaitu pada 29 Mac 1993 (Minit Mesyuarat JSNP bil. 2, 1993). Jawatankuasa telah mengeluarkan keputusan fatwa bagi masalah ini pada mesyuarat bilangan kelima bertarikh 3 November 1993 (Minit Mesyuarat JSNP bil. 5, 1993).

Bacaan al-Quran di dalam Islam pada umumnya adalah wajib, dituntut membacanya pada bila-bila masa. Adapun pada majlis-majlis kematian didapati tidak ada satu nas syarak yang mewajibkan dan tidak ada pula yang melarangnya. Yang ada hanya riwayat Abu Dawud (Kitab Sunan Abi Daud Jilid 3 muka surat 203, bab hadith yang ke 3171 iaitu):

حَدَّثَنَا هَارُونَ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا عَبْدُ الصَّمْدِ حَ وَ حَدَّثَنَا أَبْنُ الْمُتْنِي حَدَّثَنَا أَبْوَ دَاؤِدَ قَالَ حَدَّثَنَا حَرْبٌ يَعْنِي أَبْنُ شَدَادٍ حَدَّثَنَا يَحْيَى حَدَّثَنِي بَابُ بْنُ عَمِيرٍ حَدَّثَنِي رَجُلٌ مِّنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَتَبَعُ الْجَنَازَةَ بِصَوْتٍ وَلَا نَارَ زَادَ هَارُونَ وَلَا يَمْشِي بَيْنَ يَدِيهِا

Yang bermaksud: "Jangan mengiringi jenazah dengan suara yang tinggi dan api" (Membawa api bertujuan membaskan kedudukan seseorang)

Dan dalam sebuah hadith yang lain yang mengingatkan bahawa orang-orang yang menghadiri majlis-majlis kematian hendaklah sentiasa menyebutkan yang baik-baik sahaja (Kitab al-Sunan al-Kubra, juzuk 3, terbitan Dar al-Ma'rifah Beirut, Lubnan dalam bab (ما يستحب الكلام عنده

أَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْحَافِظُ ، ثَنَا أَبُو الْعَبَّاسِ مُحَمَّدُ بْنُ يَعْقُوبَ ، ثَنَا أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ إِسْحَاقَ الصَّغَانِيُّ ، أَبْنَاءُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُوسَى ، عَنِ الْأَعْمَشِ ، عَنْ شَقِيقٍ ، عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - إِذَا حَضَرْتُمُ الْمَيْتَ ، فَقُولُوا خَيْرًا ، فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ يُؤْمِنُونَ عَلَى مَا تَقُولُونَ " . قَالَتْ : فَلَمَّا مَاتَ أَبُو سَلَمَةَ ، قَلَتْ : كَيْفَ أَقُولُ يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟ قَالَ : قُولِي : " اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ ، وَأَعْقِبْنَا مِنْهُ عَجَبَ صَالِحةً " . قَالَتْ : فَأَعْقَبْنِي اللَّهُ خَيْرًا مِنْهُ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Dan antara sahabat Abdullah ibn Umar yang telah mewasiatkan supaya dibaca awal surah al-Baqarah dan akhirnya di sisi kuburnya. Oleh itu maka ulama berselisih pendapat. Abu Hanifah, Malik dan Ahmad mengikut satu riwayat menghukum makruh, begitu juga dengan

pendapat sahabat Syafi'i.

Secara keseluruhannya bacaan al-Quran pada majlis tersebut adalah diharuskan dengan suara yang rendah khususnya pada ketika pengkebumian. Dengan ini adat istiadat yang diamalkan sekarang bersabit perkara di atas perlu diubah. Adapun sebarang bacaan al-Quran di luar dari tempat beradanya jenazah seperti di radio 3 Kangar adalah diharuskan”

b) Analisis Metodologi Penetapan Fatwa:

JSNP telah mengeluarkan keputusan fatwa berkaitan dengan permasalahan ini dengan menetapkan bahawa pembacaan al-Quran di tempat-tempat kematian adalah diharuskan dengan syarat suara perlu direndahkan khususnya ketika pengkebumian.

Terdapat beberapa sandaran yang diketengahkan oleh JSNP di dalam memutuskan fatwa berkaitan isu ini. Hadith pertama merupakan larangan mengiringi jenazah dengan mengangkat suara¹. Hadith kedua pula menggalakkan orang yang menziarahi si mati menyebut perkataan dan perkara yang baik sahaja². Manakala yang ketiga ialah pandangan daripada Ibn Umar yang merupakan wasiat daripadanya. Beliau menyuruh supaya dibacakan awal dan akhir surah al-Baqarah di sisi kuburnya. Kedua-dua hadith di atas telah dikeluarkan oleh Abu Daud di dalam kitab Sunannya³. Di dalam teks fatwa tidak dijelaskan status sebenar hadith-hadith tersebut.

Penelitian terhadap metodologi penetapan fatwa yang melibatkan sumber rujukan hukum, JSNP dengan jelas menyatakan bahawa secara asasnya pembacaan ayat-ayat suci al-Quran di tempat-tempat kematian tiada sebarang suruhan mahupun larangan terhadapnya melalui

¹Menurut al-Albani, hadith ini adalah berstatus Dha'if.

² Menurut al-Albani juga, hadith ini pula berstatus Sahih

³Meneliti kembali status hadith-hadith di atas, hadith pertama dan kedua adalah berstatus hadith yang baik, boleh diterima pemakaianya.Hal ini telah dinyatakan oleh Abu Daud sendiri dengan katanya “” yang bermaksud “Apa-apa sahaja yang didiamkan daripadanya (bagi individu tertentu daripada sebarang bentuk ketidaklokan), maka dia itu baik”.

nas-nas syarak. Malah pembacaan al-Quran secara asasnya adalah dituntut kepada semua orang Islam tanpa mengira tempat dan masa. Berkaitan khusus dengan isu ini, JSNP telah mengemukakan dua buah hadith dan pendapat Sahabat r.a sebagai sandaran kepada keputusan yang telah dicapai. Kaedah penggunaan hadith dan fatwa Sahabat r.a ini adalah selaras dengan metodologi penetapan fatwa JSNP yang semampu mungkin akan mengelak untuk menggunakan sumber-sumber lain selagi wujud nas-nas syarak daripada al-Quran dan Sunnah. Di dalam konteks isu ini, tiada sebarang nas syarak menjelaskan suruhan mahupun larangan berhubung pembacaan al-Quran di tempat-tempat kematian. Hadith yang ada bersama fatwa Sahabat r.a memberikan satu kefahaman tentang perkara-perkara yang perlu dijaga ketika berada di majlis kematian. Hasil dapatan daripada ketiga-tiga sandaran ini menunjukkan bahawa membaca al-Quran adalah termasuk di dalam perbuatan menyebut perkara-perkara baik, selaras dengan wasiat Ibn Umar. Tetapi bacaan al-Quran tersebut perlu berlaku di dalam keadaan suara yang rendah seperti mana yang terdapat di dalam hadith pertama.

Terdapat pandangan daripada mazhab-mazhab muktabar ASWJ di dalam pertimbangan JSNP melibatkan mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Perkara ini jelas dapat dilihat melalui respon terhadap wasiat Ibn Umar agar dibacakan surah al-Baqarah di sisi kuburnya setelah beliau meninggal dunia.

c) Kesimpulan:

Bagi memutuskan fatwa di dalam permasalahan ini, JSNP telah mengikuti kaedah merujuk kepada sumber hukum. Ketiadaan nas syarak daripada al-Quran dinyatakan dengan jelas. Perkara ini telah membuatkan JSNP telah berusaha merujuk kepada hadith-hadith yang berkaitan dengan isu. Hadith-hadith yang dirujuk melalui kitab Sunan Abu Daud walaupun

tidak dinyatakan dengan jelas statusnya, berdasarkan penelitian hadith-hadith tersebut ada yang mencapai tahap *Sahih* dan ada yang *Dha'if*. Perkara ini menepati kaedah sumber rujukan hukum yang telah dipersetujui. Akhir sekali, JSNP juga merujuk kepada fatwa Sahabat yang membabitkan wasiat Ibn Umar.

Melalui fatwa ini, beberapa pandangan daripada mazhab-mazhab muktabar ASWJ melibatkan mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali telah diambil perkiraan di dalam menimbang fatwa ini. Berikut adalah rajah bagi menunjukkan dua perkara tersebut;

i. Sumber Rujukan

Al-Quran al-Karim	- Tiada -
Hadith Sahih	✓
Ijma' Sahabat	- Tiada -
Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w	✓
Hadith Mursal dan Daif	✓
Qiyas ketika darurat	- Tiada -
Masalih Mursalah	- Tiada -
Sad al-Dharai'	- Tiada -
Istihsan dan Istishab	- Tiada -
'Uruf	- Tiada -
Qawa'id Fiqhiyyah	- Tiada -

ii. Pendapat Mazhab

Mazhab Hanafi	✓
---------------	---

Mazhab Maliki	✓
Mazhab Syafi'i	✓
Mazhab Hanbali	✓

3.2.3 Pungutan Zakat Harta daripada Anak Perlis yang Bermastautin di Luar Perlis

a) Pendahuluan

Persoalan mengenai pungutan zakat harta daripada anak Perlis yang bermastautin di luar Perlis bermula pada mesyuarat JSNP bilangan kedua bertarikh 1 April 1995 (Minit Mesyuarat JSNP bil. 2, 1995). Pada mesyuarat JSNP yang ketiga bertarikh 19 Ogos 1995 JSNP telah mengeluarkan keputusan fatwa mereka berkaitan hal ini (Minit Mesyuarat JSNP bil. 3, 1995).

Potongan zakat harta daripada anak negeri Perlis yang bermastautin di luar negeri Perlis (Kertas Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis bilangan 3/2/1995)
Setelah meneliti kertas tersebut Jawatankuasa membuat keputusan seperti berikut:
“Harus memungut zakat harta daripada anak negeri Perlis yang bermastautin di luar negeri Perlis kerana Maslahah Syar'iyyah”

b) Analisis Metodologi Penetapan Fatwa

Berdasarkan kepada teks keputusan fatwa yang dikemukakan, JSNP telah memutuskan keharusan aktiviti pungutan zakat daripada anak negeri Perlis yang bermastautin di luar negeri Perlis.

JSNP dalam memutuskan fatwa berkenaan isu ini tidak menyandarkan sumber rujukan hukum kepada sebarang nas syarak sama ada daripada ayat-ayat al-Quran mahupun al-

Sunnah. JSNP telah menyandarkan keharusan memungut zakat harta daripada anak negeri Perlis yang tinggal bermastautin di luar negeri Perlis kepada sandaran *Maslahah Syariyyah*. *Maslahah Syariyyah* yang dimaksudkan ini adalah salah satu terma yang digunakan yang merujuk kepada pemakaian salah satu sumber hukum Islam iaitu *Masalah Mursalah*.

Keputusan ini diambil kerana keupayaan negeri Perlis yang terhad hasil kewangannya sedangkan negeri lain cukup banyak hasil kewangan mereka. Pada masa yang sama, anak-anak Perlis yang berhijrah ke negeri lain mempunyai kemampuan kewangan untuk membantu pembangunan negeri Perlis terutama perkara-perkara yang termasuk di dalam asnaf zakat. Antara jalan terbaik bagi tujuan tersebut ialah dengan mengharuskan pungutan zakat harta ke atas mereka.

Berkaitan dengan pengambilan pendapat-pendapat daripada mazhab-mazhab muktabar ASWJ, tiada sebarang pendapat dari pada mazhab-mazhab muktabar ASWJ digunakan dalam menetapkan fatwa bagi isu ini.

c) Kesimpulan:

Melalui fatwa yang telah dikeluarkan oleh JSNP berkenaan isu pungutan zakat terhadap anak Perlis yang berada di luar Perlis ini, penggunaan sumber rujukan hukum *Maslahah* merupakan rujukan tunggal. Tiada sebarang nas syarak di ambil sebagai sandaran kepada keputusan ini, begitu juga dengan sumber-sumber rujukan yang lain. Penggunaan *Maslahah Syariyyah* adalah sesuatu yang diterima pakai kerana sumber ini terdapat dalam pertimbangan JSNP bagi mengeluarkan fatwa.

Berkaitan dengan penggunaan pandangan mazhab khususnya pendapat-pendapat daripada mazhab muktabar ASWJ, tiada sebarang pandangan mereka telah diambil di dalam pertimbangan JSNP. Berikut adalah rajah bagi menunjukkan dua perkara tersebut;

i. Sumber Rujukan

Al-Quran al-Karim	- Tiada -
Hadith Sahih	- Tiada -
Ijma' Sahabat	- Tiada -
Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w	- Tiada -
Hadith Mursal dan Daif	- Tiada -
Qiyas ketika darurat	- Tiada -
Masalah Mursalah	✓
Sad al-Dharai'	- Tiada -
Istihsan dan Istishab	- Tiada -
'Uruf	- Tiada -
Qawa'id Fiqhiyyah	- Tiada -

ii. Pendapat Mazhab

Mazhab Hanafi	- Tiada -
Mazhab Maliki	- Tiada -
Mazhab Syafi'i	- Tiada -
Mazhab Hanbali	- Tiada -

3.2.4 Pakaian Pekerja Islam Wanita

a) Pendahuluan

Isu berkaitan dengan pakaian pekerja Islam wanita telah mula dibincangkan pada mesyuarat JSNP yang ketiga pada tahun 1996 (Minit Mesyuarat JSNP bil. 2, 1996). Seterusnya pada mesyuarat JSNP yang keempat bertarikh 14 Oktober 1996, fatwa berkenaan isu ini telah diputuskan (Minit Mesyuarat JSNP bil. 4, 1996).

Pakaian pekerja Islam wanita (Kertas Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis bilangan 3/1996)

Jawatankuasa telah meneliti kertas yang dikemukakan dan mengambil keputusan seperti berikut:

Aurat wanita Islam di hadapan lelaki Ajnabi (lelaki yang bukan mahramnya) dan di hadapan wanita kafir adalah seluruh tubuhnya kecuali muka dan kedua tapak tangan. Ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Nur ayat 31:

وَقُلْ لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَتَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا
ظَاهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبَنَّ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُبُوْرٍ ...

“Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada pandangan yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang lahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka...”

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ اسْمَاءَ بْنَتَ أَبِي بَكْرَ دَخَلَتْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَيْهَا ثِيَابًا
رَاقِقًا فَأَعْرَضَ عَنْهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ يَا اسْمَاءً إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْحِيْضُورَ لَمْ تَصْلِحْ أَنْ يَرِي
مِنْهَا إِلَّا هَذَا وَهَذَا وَأَشَارَ إِلَى وَجْهِهِ وَكَفِيهِ

Daripada ‘Aisyah RA (katanya) bahawa Asma’ binti Abu Bakr masuk menemui nabi Muhammad SAW dengan memakai pakaian yang nipis. Rasulullah SAW berpaling daripadanya dan bersabda: Wahai Asma’! Seorang wanita apabila telah berhaid (balighah) tidak patut nampak daripadanya melainkan ini, Rasulullah SAW menunjukkan muka dan tapak tangannya (riwayat Abu Daud)

Daripada Ummu Salamah (katanya) Ia berada bersama Rasulullah SAW dan Saidatina Maimunah. Kemudian Abdullah Ibn Ummu Maktum datang dan masuk berjumpa

Rasulullah SAW. Peristiwa ini berlaku selepas kami diperintahkan berhijab (menutup aurat). Rasulullah SAW bersabda: Berhijablah kamu daripadanya (Abdullah Ibn Ummu Maktum). Aku (Ummu Salamah) berkata: Tidakkah dia buta, dia tidak melihat kami dan mengenali kami. Rasulullah SAW bersabda: Adakah kamu berdua buta, tidakkah kamu berdua-dua melihatnya? (riwayat Abu Daud)

Oleh itu, wanita Islam adalah haram mendedahkan mana-mana bahagian aurat mereka kepada lelaki ajnabi.

Maka berdasarkan dalil-dalil dan hujah berkaitan, Jawatankuasa Syar'iyyah dengan sebulat suara membuat keputusan bahawa pakaian wanita Islam hendaklah menutup aurat sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak lebih-lebih lagi ketika bekerja di luar rumah. Beberapa kriteria berikut perlu diambilkira:

- i. Tidak ketat hingga menampakkan tubuh pemakai
- ii. Tidak nipis hingga menampakkan warna kulit pemakai
- iii. Tidak mendedahkan bahagian tertentu daripada aurat pemakai kecuali muka dan tapak tangan
- iv. Tidak terlalu berhias

b) Analisis Metodologi Penetapan Fatwa:

Bagi isu ini, seluruh ahli JSNP telah sebulat suara memutuskan kewajiban menutup aurat bagi pakaian yang dipakai oleh wanita Islam, terutama bagi mereka yang bekerja di luar rumah. Pakaian yang dipakai oleh wanita Islam yang bekerja di luar rumah tersebut perlu memenuhi kriteria-kriteria tertentu iaitu tidak ketat, tidak nipis, tidak mendedahkan bahagian tertentu daripada tubuh badan dan tidak terlalu berhias.

Keputusan yang dikeluarkan oleh JSNP telah disandarkan kepada beberapa sumber rujukan. Sumber pertama yang digunakan oleh JSNP di dalam memutuskan fatwa ialah ayat al-Quran daripada surah al-Nur ayat 31. Ayat ini dengan jelas menerangkan larangan Allah terhadap wanita Islam agar tidak mendedahkan aurat mereka kepada lelaki ajnib. Sumber kedua pula, JSNP telah merujuk kepada dalil daripada al-Sunnah. Hadith yang

pertama ialah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud di dalam Sunannya¹. Hadith ini menjelaskan tentang had aurat seseorang wanita apabila sudah mencapai usia baligh ketika berada di depan lelaki ajnabi. Manakala hadith kedua pula merupakan sebuah hadith riwayat Imam Abu Daud juga². Hadith tersebut juga menjelaskan keperluan bagi wanita Islam menutup aurat.

Secara umumnya daripada sudut metodologi penetapan fatwa, JSNP telah menyandarkan keputusan yang dikeluarkan kepada sumber-sumber hukum yang jelas iaitu dengan ayat al-Quran dan dua buah hadith walaupun tidak dinyatakan statusnya. Kaedah meletakkan sandaran keputusan berkaitan hukum aurat wanita bekerja kepada dalil al-Quran dahulu adalah bertepatan dengan hearaki sumber rujukan yang telah ditetapkan. Seterusnya, begitu juga dengan kaedah menyandarkan keputusan tersebut kepada hadith-hadith sebagai penjelasan, pentafsiran dan pengukuhan kepada hukum yang sudah jelas daripada ayat al-Quran.

Didapati dalam memutuskan fatwa di dalam isu ini, tiada sebarang pendapat mazhab dinyatakan pengambilpakaianya.

c) Kesimpulan:

JSNP di dalam menetapkan keputusan terhadap masalah ini telah menepati kaedah sumber rujukan hukum iaitu menggunakan rujukan al-Quran dan kemudiannya diperkuatkan dengan dalil-dalil daripada sumber rujukan al-Sunnah. Walaupun tidak dinyatakan status sebenar hadith-hadith yang dijadikan sandaran, setelah diteliti dua hadith tersebut berada di dalam sumber-sumber rujukan iaitu hadith *Mursal* dan hadith yang *Sahih*. Tiada sebarang

¹ Mengikut al-Albani, hadith ini berstatus *Mursal*.

² Mengikut al-Albani, hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud, perawinya tidak disebut apa-apa dari sudut baik atau buruk. Menurut Abu Daud, sekiranya sesuatu hadith berstatus begitu, hadith tersebut baik untuk digunakan. Hadith yang sama tetapi diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi adalah berstatus *Sahih*.

pendapat daripada mazhab-mazhab muktabar ASWJ direkod pengambilkiraannya dalam mengeluarkan fatwa ini. Berikut adalah rajah bagi menunjukkan dua perkara tersebut;

i. Sumber Rujukan

Al-Quran al-Karim	✓
Hadith Sahih	✓
Ijma' Sahabat	- Tiada -
Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w	- Tiada -
Hadith Mursal dan Daif	✓
Qiyas ketika darurat	- Tiada -
Masalah Mursalah	- Tiada -
Sad al-Dharai'	- Tiada -
Istihsan dan Istishab	- Tiada -
'Uruf	- Tiada -
Qawa'id Fiqhiyyah	- Tiada -

ii. Pendapat Mazhab

Mazhab Hanafi	- Tiada -
Mazhab Maliki	- Tiada -
Mazhab Syafi'i	- Tiada -
Mazhab Hanbali	- Tiada -

3.2.5 Status Agama Bayi yang Tidak Diketahui Agama Ibubapa Kandungnya

a) Pendahuluan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang pertama pada tahun 1996 (Minit Mesyuarat JSNP bil. 1, 1996) telah membincangkan berkenaan hal status agama bayi yang tidak diketahui agama ibubapa kandungnya. Akhirnya Jawatankuasa mendapat persetujuan seluruh anggota dalam memutuskan fatwa dalam isu ini pada mesyuarat kedua 20 Julai 1996 (Minit Mesyuarat JSNP bil. 2, 1996).

Status Agama Bayi yang tidak diketahui agama ibubapa kandungnya (kertas Jawatankuasa Syar'iyyah negeri Perlis bilangan 4/1/96)

Jawatankuasa telah meneliti kertas tersebut dan membuat keputusan berikut: "Mana-mana bayi yang diketahui agama ibubapanya maka status agama bayi tersebut mengikut agama ibubapanya. Manakala bayi yang tidak diketahui agama ibubapanya maka agama bayi itu adalah mengikut agama yang menjadi pegangan negeri berkenaan. Oleh kerana peruntukan seksyen 5(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan negeri Perlis menyebutkan Agama bagi negeri ialah Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'a'ah seperti yang telah diamalkan di dalam negeri maka agama bayi yang tidak diketahui agama ibubapanya ialah Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'a'ah dan bayi berkenaan tidak boleh diserahkan kepada orang bukan Islam".

b) Analisis Metodologi Penetapan Fatwa:

Berdasarkan kepada teks keputusan fatwa yang dikemukakan, JSNP telah memutuskan bahawa bayi yang dijumpai tanpa mengetahui status agama ibubapanya adalah mengikut agama yang menjadi pegangan negeri berkenaan. Bagi negeri Perlis, seseorang bayi yang dijumpai dan tidak diketahui agama ibubapanya, agama bayi tersebut ialah Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'a'ah.

JSNP dalam memutuskan fatwa berkenaan isu ini tidak menyandarkan sumber rujukan hukum kepada sebarang nas syarak sama ada daripada ayat-ayat al-Quran mahupun al-Sunnah. Namun begitu, dapat difahami daripada teks fatwa di atas bahawa JSNP telah menyandarkan keputusan mereka kepada dua sumber penting yang wujud di dalam ketetapan sumber rujukan fatwa. Dua sumber tersebut ialah *Qawa'id Fiqhiyyah* dan juga '*Uruf*.

Sumber *Qawa'id Fiqhiyyah* yang dimaksudkan dapat dilihat daripada ayat "Manakala bayi yang tidak diketahui agama ibubapanya maka agama bayi itu adalah mengikut agama yang menjadi pegangan negeri berkenaan" iaitu "اعتبار المكان" atau "mengikut tempat dijumpai" yang ada pada hukum *al-Laqt*. Dalam permasalahan *al-Laqt*, seseorang bayi yang dijumpai di kawasan orang Islam atau negara Islam, dihukum muslim walaupun bayi itu telah meninggal dunia (al-Kasani: 1998, Ibn Qudamah: 1984).

Manakala sumber kedua iaitu '*Uruf* yang dimaksudkan dapat dilihat daripada ayat "Oleh kerana peruntukan seksyen 5(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan negeri Perlis menyebutkan Agama bagi negeri ialah Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'a'ah seperti yang telah diamalkan di dalam negeri maka agama bayi yang tidak diketahui agama ibubapanya ialah Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'a'ah". Undang-undang merupakan satu bentuk peruntukan peraturan yang digubal oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat yang berkenaan (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002). Dapat difahami bahawa sifat undang-undang hanya mengikat masyarakat yang hidup di bawah satu-satu kerajaan sahaja. Di dalam konteks Malaysia yang mempunyai negeri-negeri, Undang-undang Tubuh hanya mengikat penduduk yang hidup di negeri itu sahaja. Hal ini adalah serupa dengan kedudukan adat dan uruf. Adat dan '*Uruf* adalah bersifat setempat, setiap tempat

mempunyai adat dan uruf masing-masing. Oleh itu, keputusan yang ditetapkan oleh JSNP di dalam menentukan agama bayi yang tidak diketahui agamanya adalah bertepatan dengan uruf setempat Perlis yang terdapat di dalam Undang-undang Tubuh Negeri Perlis.

c) Kesimpulan:

Di dalam keadaan tiada nas syarak daripada al-Quran dan hadith yang jelas menunjukkan hukum berkenaan isu ini, malah tiada langsung *Ijma'* serta *Qiyas* yang boleh dilakukan JSNP telah mengambilpakai dua sumber hukum yang sememangnya telah disepakati pengambilkiraannya di dalam penetapan fatwa. Oleh itu, praktis penetapan fatwa JSNP berhubung dengan penggunaan '*Uruf* setempat melalui peruntukan undang-undang negeri serta pemakaian *Qawa'id Fiqhiyyah* adalah bertepatan. Berikut adalah rajah bagi menunjukkan dua perkara tersebut;

i. Sumber Rujukan

Al-Quran al-Karim	- Tiada -
Hadith Sahih	- Tiada -
Ijma' Sahabat	- Tiada -
Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w	- Tiada -
Hadith Mursal dan Daif	- Tiada -
Qiyas ketika darurat	- Tiada -
Masalah Mursalah	- Tiada -
Sad al-Dharai'	- Tiada -
Istihsan dan Istishab	- Tiada -
'Uruf	✓

ii. Pendapat Mazhab

Mazhab Hanafī	- Tiada -
Mazhab Maliki	- Tiada -
Mazhab Syafi'i	- Tiada -
Mazhab Hanbali	- Tiada -

3.2.6 Sembahyang Jumaat bagi Wanita

a) Pendahuluan

Perbincangan mengenai masalah ini bermula pada mesyuarat JSNP bertarikh 14 Oktober 1996 bilangan yang keempat. Pada mesyuarat bertarikh 4 April 1997 bilangan pertama, keputusan fatwa berkenaan masalah ini telah diputuskan.

Hukum sembahyang Jumaat bagi wanita (Kertas Jawatankuasa Syariah negeri Perlis bilangan 3/4/1996)

Mesyuarat telah meneliti dan berbincang mengenai kertas yang dikemukakan dan mengambil keputusan seperti berikut:

Hukum solat Jumaat bagi kaum wanita adalah tidak diwajibkan, sembahyangnya sah dan tidak diperlukan untuk sembahyang fardhu zohor (sebagai ganti).

Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah dalam al-Quran surah al-Jumu'ah ayat 9:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَدَرُوا الْبَيْعَ
ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١﴾

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan sembahyang pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu kepada mengingati Allah dan tinggalkanlah berjualbeli”

Ayat ini walaupun bersifat umum sama ada mukmin atau mukminah tetapi telah diperjelaskan oleh hadith dari Tariq bin Sihab bin ‘Abd al-Shams dari nabi SAW katanya:

اجماعة حق واجب على كل مسلم في جماعة إلا أربعة عبد ملوك أو امرأة أو صبي أو مريض

Ertinya: “Solat Jumaat itu hak kewajiban ke atas setiap muslim dengan dikerjakan secara berjamaah kecuali empat golongan iaitu hamba sahaya yang dimiliki, wanita, anak kecil dan orang yang sakit” (hadith riwayat Abu Daud)

Mengikut kesepakatan para Jumhur ulama, jelas bahawa wanita tidak diwajibkan mengerjakan solat Jumaat iaitu berdasarkan kepada riwayat Abu Daud tersebut. Namun demikian al-Imam al-Shafi’i berpendapat, walaupun kaum wanita tidak wajib solat Jumaat tetapi dialu-alukan kehadiran wanita-wanita berumur ke masjid dengan izin suami mereka. Pandangan al-Imam al-Shafi’i ini dikuatkan oleh hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Muslim dan lain-lainnya. Dikeluarkan oleh Ubaid Ibn Hamid dari ‘Abbas dalam ayat 9 surah al-Jumu’ah tersebut katanya:

جاءت غير عبد الرحمن بن عوف تحمل الطعام ، فخرجو من الجمعة بعضهم يريد أن يشتري ، وبعضهم يريد أن ينظر إلى دحية ، وتركوا رسول الله صلى الله عليه وسلم قائما على المنبر ، وبقى في المسجد اثنا عشر رجلا وسبع نسوة ، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : لو خرجنوا كلهم لاضطرم المسجد عليهم نارا

Ertinya: “Telah datang (rombongan) unta ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf membawa makanan, maka mereka (sahabat) keluar beramai-ramai. Ada yang hendak membeli makanan dan ada yang ingin melihat. Mereka tinggalkan (Rasulullah) dalam keadaan berdiri di atas mimbar, meliankan hanya dua belas orang lelaki dan tujuh wanita yang masih kekal di masjid. Sabda Nabi SAW: Sekiranya keluar semuanya nescaya masjid ini akan dituangkan api ke atas mereka”

Hadith tersebut membuktikan bahawa kaum wanita di zaman Nabi SAW ada mengerjakan solat Jumaat, walaupun hukumnya tidak wajib. Dalam masalah wanita yang mengerjakan solat Jumaat ini, tidak ada perintah daripada Rasulullah SAW bahawa mereka (wanita) wajib mengulangi Jumaatnya dengan solat zohor. Oleh demikian jelas sah solat Jumaat bagi kaum wanita.

b) Analisis Metodologi Penetapan Fatwa:

Keputusan yang dicapai oleh JSNP di dalam isu ini ialah “hukum solat Jumaat bagi kaum wanita adalah tidak diwajibkan, sembahyangnya sah dan tidak diperlukan untuk sembahyang fardhu zohor (sebagai ganti)”. Terdapat tiga perkara yang ditetapkan oleh JSNP dalam isu ini iaitu:

- i. Wanita tidak diwajibkan solat Jumaat
- ii. Sah solat Jumaat bagi wanita yang menunaikannya
- iii. Tidak perlu solat semula dengan solat Zohor sebagai ganti

Keputusan yang dicapai oleh JSNP telah disandarkan kepada beberapa nas syarak berupa ayat al-Quran di dalam surah al-Jumu’ah ayat 9. Ayat ini telah menjelaskan kedudukan perintah menunaikan solat Jumaat secara umum kepada orang mukmin dan mukminah. Namun begitu, bersandarkan hadith yang kedua riwayat Imam Abu Dawud telah memperjelaskan lagi kedudukan wanita dengan perintah umum ayat al-Quran di atas. Hadith tersebut menjelaskan bahawa solat Jumaat bukan merupakan kewajipan kepada wanita.

Akan tetapi, sekiranya seseorang wanita menunaikan juga solat Jumaat, solat Jumaatnya adalah dikira sah dan tidak perlu kepada solat zohor sebagai ganti. Keputusan ini diambil daripada pendapat Imam al-Syafi’i yang menyandarkan pendapatnya kepada satu hadith yang kuat riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim. Hadith ini menyatakan kehadiran wanita bersama-sama lelaki di dalam solat Jumaat walaupun tidak wajib¹. Di dalam hadith tersebut juga tiada suruhan Nabi kepada para wanita yang menunaikan solat Jumaat agar mengantikannya dengan solat Zohor.

¹ Ibn Hajar al-Asqalani menyatakan bahawa hadith ini mempunyai sanad yang dhaif.

Daripada sudut metodologi penetapan fatwa, JSNP telah mengeluarkan keputusan mereka dengan bersandarkan kepada al-Quran sepermama yang wujud di dalam metode rujukan sumber hukum yang telah ditetapkan. Seterusnya sandaran al-Quran dikhkususkan dengan sumber hadith yang sahih. Di dalam memutuskan fatwa di dalam isu ini, JSNP telah mengambilpakai pendapat mazhab Syafi'i daripada Imam al-Syafi'i. Pendapat mazhab ini diambil kerana wujud dalil daripada hadith Rasulullah saw disandarkan kepada pendapat tersebut, walaupun merupakan hadith yang mempunyai sanad yang lemah. Tetapi selagimana mempunyai sandaran hadith walaupun lemah, tetap diambil perkiraan di dalam penetapan fatwa.

c) Kesimpulan:

JSNP di dalam menetapkan keputusan terhadap masalah ini telah menepati kaedah sumber rujukan hukum iaitu menggunakan rujukan al-Quran di dalam mengambil maksud perintah umum dan seterusnya dikhkususkan oleh sebuah hadith yang sahih. Pada penetapan fatwa di dalam isu ini, JSNP telah menggunakan pandangan mazhab Syafi'i yang dikemukakan oleh Imam al-Syafi'i dengan mempunyai sandaran daripada al-Sunnah. Walaupun dalil yang digunakan di dalam pandangan mazhab tersebut *Dha'if* tetapi masih berada di dalam sumber-sumber rujukan yang diterimapakai bagi JSNP. Berikut adalah rajah bagi menunjukkan dua perkara tersebut;

i. Sumber Rujukan

Al-Quran al-Karim	✓
Hadith Sahih	✓
Ijma' Sahabat	- Tiada -

Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w	- Tiada -
Hadith Mursal dan Daif	✓
Qiyas ketika darurat	- Tiada -
Masalih Mursalah	- Tiada -
Sad al-Dharai'	- Tiada -
Istihsan dan Istishab	- Tiada -
'Uruf	- Tiada -
Qawa'id Fiqhiyyah	- Tiada -

ii. Pendapat Mazhab

Mazhab Hanafi	- Tiada -
Mazhab Maliki	- Tiada -
Mazhab Syafi'i	✓
Mazhab Hanbali	- Tiada -

3.2.7 Seseorang Islam yang Mengaku Bukan Islam kerana Mengelak dari Ditangkap atau Sebab-sebab yang Lain

a) Pendahuluan

Permasalahan ini mula dibincangkan dalam mesyuarat JSNP pada 18 Oktober 1999 (Minit Mesyuarat JSNP bil 4, Oktober 1999) dan keputusan fatwa tentang masalah ini dikeluarkan pada 2 Disember tahun yang sama (Minit Mesyuarat JSNP bil 4, Disember 1999).

Mesyuarat dimaklumkan mengenai pertanyaan orang ramai mengenai hukum seseorang Islam yang mengaku bukan beragama Islam kerana mengelak dari ditangkap atau kerana sebab-sebab lain.

Mesyuarat dimaklumkan mengenai perkara-perkara yang boleh menyebabkan murtad sepetimana yang terdapat di dalam kitab-kitab fiqh. Perkara-perkara tersebut boleh disimpulkan sebagaimana takrif murtad yang disebutkan di dalam kitab al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu iaitu: Perbuatan berpaling dari agama Islam kepada agama kufur sama ada dengan niat atau perbuatan atau perkataan yang membawa kepada kufur sama ada secara persendaan (gurauan), ingkar atau iktikad

Menyuarat juga dimaklumkan mengenai dalil-dalil yang menunjukkan perbuatan-perbuatan yang boleh membawa kepada kufur seperti berikut:

1- Firman Allah,

... قُلْ أَبِّلَّهُ وَءَايَتِهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهِنُوْنَ لَا تَعْتَذِرُوْا قَدْ كَفَرُوْمَ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ ١٦ ...

... ١٦ ...

Yang bermaksud:

“Patutkah nama Allah dan ayat-ayatnya serta rasulnya kamu memperlok-lok dan mengejeknya? Janganlah kamu berdalih (dengan alas an yang dusta) kerana sesungguhnya kamu telah kufur setelah kamu beriman” Surah al-Taubah ayat 65-66

2- Sabda Rasulullah SAW: من ترك الصلاة متعمداً فقد كفر جهاراً

Maksudnya: “Sesiapa yang meninggalkan solat dengan sengaja maka ia telah kafir dengan sejelas-jelasnya”

Para ulama telah sepakat bahawa sesiapa yang meninggalkan solat kerana mengingkari kewajibannya maka ia telah kafir. Ini menunjukkan bahawa mengingkari sesuatu yang maklum di dalam Islam boleh menyebabkan seseorang menjadi kafir

3- Firman Allah:

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصْفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَلٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ
الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ٣٩

Maksudnya: “Dan janganlah kamu berdosa dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu ini halal dan ini haram untuk mengada-ngadakan sesuatu yang dusta terhadap Allah, Sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah ia tidak akan berjaya”

4- Mesyuarat juga meneliti pendapat-pendapat ulama tentang perlunya berhati-hati di dalam menghukum seseorang sebagai murtad sebelum dipastikan benar-benar seseorang itu telah murtad sebagaimana kata-kata Imam Malik “من صدر عنه ما يحتمل الكفر من تسعة وتسعين ”وجهاً ويحتمل الإيمان من وجه واحد حمل أمره على الإيمان

Maksudnya: “Apabila timbul dari seseorang apa-apa yang memungkinkan kufur dari 99

wajah dan terdapat apa yang memungkinkan iman dari satu wajah maka dikirakan urusannya di atas iman”

Keputusan:

Setelah berbincang dengan teliti, mesyuarat membuat keputusan seperti berikut: “Perbuatan seseorang Islam yang mengaku bukan beragama Islam kerana mengelak dari ditangkap atau kerana sebab-sebab lain adalah dikira mempermain-mainkan Islam dan perbuatan itu adalah dosa besar serta dikhawatiri boleh membawa kepada menjadi murtad dan wajib dia bertaubat”.

b) Analisis Metodologi Penetapan Fatwa:

Melihat kepada keputusan fatwa JSNP di dalam isu ini, seseorang yang mengaku bukan Islam kerana mengelak dari ditangkap atau di atas sebab-sebab yang lain adalah termasuk di dalam perbuatan mempermainkan Islam. Perbuatan tersebut adalah termasuk di dalam dosa besar dan dikhawatiri boleh membawa kepada murtad. Jika sekiranya berlaku, orang tersebut wajib bertaubat.

Keputusan yang telah dicapai ini telah disandarkan kepada beberapa sumber rujukan hukum iaitu ayat al-Quran dan hadith. Ayat al-Quran yang dijadikan sandaran ialah ayat 65-66 daripada surah al-Taubah dan ayat 116 surah al-Nahl. Ayat pertama menjelaskan peringatan Allah swt terhadap orang yang mengejek dan memperolokkan amalan Islam. Manakala ayat kedua pula menerangkan kedudukan orang yang meletakkan sesuatu hukum dengan maksud membuat pendustaan terhadap Allah swt. Begitu juga dengan rujukan daripada sumber hadith sahih yang menyatakan kafir bagi seseorang yang meninggalkan solat secara sengaja.

Di dalam memberi pertimbangan terhadap keputusan fatwa dalam isu ini, pandangan mazhab Maliki yang diutarakan oleh Imam Malik Ibn Anas telah diambil kira. Kata-kata

Imam Malik telah meletakkan keutamaan pengekalan di dalam Islam walaupun ada banyak bentuk yang lain diperlakukan seseorang bagi membolehkan dihukum murtad.

Melihat kepada metodologi penetapan fatwa oleh JSNP di dalam fatwa ini didapati bahawa JSNP telah meletakkan ayat-ayat al-Quran dan hadith Nabi saw walaupun tiada status dijelaskan. Namun begitu setelah diteliti, hadith yang digunakan sebagai sumber rujukan hukum tersebut adalah berstatus *Sahih*. Pandangan mazhab juga telah diambil kira di dalam memutuskan fatwa di dalam isu ini. Pandangan Imam Malik telah diambil dan memberi impak yang besar di dalam keputusan fatwa. Hal ini jelas didapati di dalam teks fatwa yang menyatakan kekhawatiran perbuatan mengaku bukan Islam bagi mengelak di tangkap, walaupun secara jelas boleh jatuh murtad orang yang bertindak sebegini.

c) Kesimpulan:

Jelas daripada analisis teks fatwa berkenaan isu ini, JSNP telah mempraktiskan usaha memutuskan fatwa mengikut metodologi penetapan fatwa yang telah dipersetujui. Sumber al-Quran dan al-Sunnah menjadi asas kepada keputusan fatwa tanpa menidakkannya peranan pandangan mazhab yang diutarakan oleh Imam Malik yang merupakan pengasas mazhab Maliki. Berikut adalah rajah bagi menunjukkan dua perkara tersebut;

i. Sumber Rujukan

Al-Quran al-Karim	✓
Hadith Sahih	✓
Ijma' Sahabat	- Tiada -
Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w	- Tiada -

Hadith Mursal dan Daif	- Tiada -
Qiyas ketika darurat	- Tiada -
Masalah Mursalah	- Tiada -
Sad al-Dharai'	- Tiada -
Istihsan dan Istishab	- Tiada -
'Uruf	- Tiada -
Qawa'id Fiqhiyyah	- Tiada -

ii. Pendapat Mazhab

Mazhab Hanafi	- Tiada -
Mazhab Maliki	✓
Mazhab Syafi'i	- Tiada -
Mazhab Hanbali	- Tiada -

3.2.8 Menyembunyi Ahli Waris

a) Pendahuluan

Perbuatan menyembunyikan waris dalam urusan harta pusaka telah berlaku di negeri Perlis. Perkara ini membuatkan JSNP berbincang dan bermesyuarat mengenai hal ini pada 18 Oktober 1999 (Minit Mesyuarat JSNP bil. 4, Oktober 1999). JSNP telah mengeluarkan keputusannya pada mesyuarat yang keempat bertarikh 2 Disember 1999 (Minit Mesyuarat JSNP bil. 4, Disember 1999).

Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat beberapa kes menyembunyikan ahli waris untuk mendapat harta pusaka atau untuk bahagian yang lebih banyak daripada hak sebenar mereka, dan terdapat beberapa aduan serta pertanyaan orang ramai mengenai masalah ini.

Mesyuarat dimaklumkan tentang dalil-dalil yang menunjukkan bahawa perbuatan tersebut adalah haram.

1- Firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ

Yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu memakan harta antara kamu dengan cara yang batil” Surah al-Nisa’ ayat 29

Mendapatkan harta pusaka dengan menyembunyikan ahli waris adalah termasuk di dalam cara-cara yang batil kerana ia melibatkan penipuan dan pengambilan hak orang lain.

2- Firman Allah:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوْا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالٍ

النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta antara kamu dengan cara yang batil dan jangan kamu memberi rasuah kepada pihak-pihak yang berkuasa agar kamu dapat memakan sebahagian harta orang lain dengan cara dosa sedangkan kamu mengetahuinya” Surah al-Baqarah ayat 188

3- Firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menunaikan amanah kepada ahlinya (orang yang berhak menerimanya)” Surah al-Nisa’ ayat 58

Ayat ini mewajibkan supaya amanah dikembalikan kepada orang yang berhak menerimanya. Oleh itu menyembunyikan waris adalah perbuatan yang melanggar perintah Allah di dalam ayat ini, kerana ia adalah perbuatan yang tidak beramanah dan dengan itu juga ia telah menghalang orang yang berhak daripada menerima harta pusaka miliknya.

4- Sabda Rasulullah SAW:

“كُلُّ مُسْلِمٍ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ عَرْضُهُ وَمَالُهُ وَدَمُهُ”

Maksudnya: “Setiap muslim ke atas muslim adalah haram maruahnya, hartanya dan darahnya” (riwayat al-Tirmidhi)

Menyembunyikan waris menyebabkan waris tersebut tidak mendapat hak ke atas hartanya, maka ia termasuk di dalam larangan hadith ini.

Keputusan:

Setelah berbincang, mesyuarat, mengambil keputusan seperti berikut: “Haram menyembunyikan ahli waris untuk mendapat harta pusaka atau untuk mendapat bahagian

harta pusaka yang lebih banyak dan jika sekiranya proses pembahagian faraid telah disempurnakan, perlulah ia dibuat semula berdasarkan jumlah waris-waris yang sebenar dan perbuatan tersebut adalah dikira memberi keterangan palsu yang melanggar enakmen jenayah dalam syarak di bawah peruntukan 49.2 yang boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM 2000 atau setahun penjara atau kedua-duanya sekali. Manakala orang yang mewarisi harta yang diwarisi secara haram adalah juga haram ke atasnya harta tersebut sekiranya dia mengetahuinya dan waris yang sebenar serta keturunannya berhak menuntut harta tersebut walaupun ia telah dipindah milik”.

b) Analisis Metodologi Penetapan Fatwa:

Meneliti keputusan fatwa di dalam isu ini, JSNP telah memutuskan bahawa menyembunyikan ahli waris dengan tujuan mendapat harta pusaka adalah haram. Keputusan ini diambil adalah berdasarkan kepada beberapa ayat al-Quran dan hadith Rasulullah saw. Ayat al-Quran pertama ialah ayat 29 surah al-Nisa' yang menjelas tegahan daripada Allah agar tidak memakan harta secara batil. Begitu juga dengan ayat 188 surah al-Baqarah yang menjelaskan perkara yang sama iaitu tegahan Allah agar tidak memakan harta secara batil. Daripada dua ayat di atas dapat difahami bahawa mendapatkan harta pusaka dengan menyembunyikan ahli waris adalah termasuk di dalam cara-cara yang batil. Manakala ayat ketiga pula ialah ayat 58 surah al-Nisa', telah menjelaskan suruhan Allah s.w.t dalam menunaikan amanah kepada orang yang berhak menerimannya. Oleh itu menyembunyikan waris adalah perbuatan yang melanggar perintah Allah di dalam ayat ini, kerana menyembunyikan waris adalah perbuatan yang tidak beramanah kerana menghalang orang yang berhak daripada menerima harta pusaka miliknya.

Terdapat satu hadith Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi berstatus hadith *Sahih*¹ yang menjelaskan bahawa hubungan antara muslim adalah ditegah untuk dicabuli pemilikannya sama ada berkaitan dengan maruah, harta dan nyawa. Hal ini sangat

¹ Sahih mengikut kaedah takhrij al-Albani.

jelas berkaitan dengan penyembunyian ahli waris daripada menerima harta pusaka pemilikannya.

Meneliti daripada sudut metodologi penetapan fatwa, di dalam memutuskan fatwa di dalam isu ini JSNP telah menyandarkan kepada dua sumber utama seperti yang telah disepakati penggunaannya. Dua sumber tersebut ialah al-Quran dan hadith *Sahih*. Walaupun secara asalnya hadith yang diambil sebagai sandaran tidak dinyatakan status, namun begitu setelah penelitian dilakukan, hadith tersebut adalah berstatus *Sahih*. Tiada sebarang pendapat mazhab diambil di dalam membuat pertimbangan bagi memutuskan fatwa.

c) Kesimpulan:

Jelas daripada analisis teks fatwa berkenaan isu ini, JSNP telah mempraktiskan usaha memutuskan fatwa mengikut metodologi penetapan fatwa yang telah dipersetujui. Sumber al-Quran dan al-Sunnah menjadi asas kepada keputusan fatwa. Tiada sebarang pendapat daripada mazhab-mazhab muktabar ASWJ direkod pengambilkiraannya dalam mengeluarkan fatwa ini. Berikut adalah rajah bagi menunjukkan dua perkara tersebut;

i. Sumber Rujukan

Al-Quran al-Karim	✓
Hadith Sahih	✓
Ijma' Sahabat	- Tiada -
Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w	- Tiada -
Hadith Mursal dan Daif	- Tiada -
Qiyas ketika darurat	- Tiada -

Masalah Mursalah	- Tiada -
Sad al-Dharai'	- Tiada -
Istihsan dan Istishab	- Tiada -
'Uruf	- Tiada -
Qawa'id Fiqhiyyah	- Tiada -

ii. Pendapat Mazhab

Mazhab Hanafi	- Tiada -
Mazhab Maliki	- Tiada -
Mazhab Syafi'i	- Tiada -
Mazhab Hanbali	- Tiada -

3.2.9 Penggunaan Tag Telinga pada Binatang Korban

a) Pendahuluan

Pada mesyuarat JSNP yang pertama tahun 1999, anggota Jawatankuasa telah membincangkan satu masalah yang ditanya oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Perlis berkenaan dengan penggunaan tag telinga pada telinga ternakan lembu dan kerbau yang mahu dikorban (Minit Mesyuarat JSNP bil. 1, 11 Februari 1999). Setelah berbincang, satu keputusan fatwa telah diputuskan dalam mesyuarat JSNP bilangan 2 bertarikh 1 Jun 1999 (Minit Mesyuarat JSNP bil. 2, 1 Jun 1999).

Mesyuarat telah meneliti kertas kerja mengenai sifat-sifat sah binatang korban dan sifat-sifat makruh yang disediakan oleh Jabatan Mufti Perlis. Mesyuarat juga mendapatkan penerangan seorang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan Perlis mengenai keadaan

sebenar penggunaan tag telinga tersebut.

Mesyuarat memutuskan bahawa penggunaan tag telinga pada binatang-binatang korban adalah harus kerana alasan-alasan berikut:

- 1- Tag telinga dikenakan kepada binatang ternakan kerana untuk memudahkan kawalan kesihatan, pendaftaran serta pengenalan binatang
- 2- Penggunaan tag telinga tidak termasuk di dalam perkara-perkara yang mencacatkan seperti yang terdapat di dalam hadith-hadith berikut
 - Hadith ‘Ali bin Abu Talib’ *عَمِّنْ نَتَشَرَّفُ عَيْنُهُ وَأَذْنُهُ وَلَا نَضْحِي بِمُقَابِلَةٍ* “*وَلَا مَدَابِرَةٌ وَلَا شَرْقَاءٌ وَلَا حَرْقَاءٌ*”

Terjemahannya: Rasulullah SAW mengarahkan kami supaya memeriksa mata dan telinga (binatang korban) dan mengarahkan supaya kami tidak berkurban dengan yang terpotong telinganya sehingga terjuntai atau telinganya carik, begitu juga yang telinganya berlubang panjang dan bulat.

- Hadith al-Barra’ bin ‘Azib: *أَرْبَعٌ لَا تَجُوزُ فِي الْأَضَاحِيِّ* ; *الْعُورَاءُ الْبَيْنُ عُورَهَا، وَالْمَرِيضَةُ* “*الْبَيْنُ مَرْضَهَا، وَالْعَرْجَاءُ الْبَيْنُ ظَلْعَهَا وَالْكَسِيرُ (أَوْ الْعَجْفَاءُ)* *الَّتِي لَا تَنْفِي*”

Terjemahannya: Nabi SAW telah bersabda “Empat perkara tidak harus ada pada binatang korban, kabur mata yang bersangatan, sakit yang teruk, tempang yang menonjolkan tulang rusuknya yang bersangatan kurus sehingga tidak ada lemak langsung”

Dengan ini mesyuarat bersetuju sebulat suara bahawa binatang yang ditindik telinganya seperti di atas dan cukup segala syarat korban atau akikah adalah harus dan penggunaan tag telinga tidak termasuk dalam ertikata cacat seperti yang dibahaskan oleh hadith dan pendapat fuqaha’.

b) Analisis Metodologi Penetapan Fatwa:

Fatwa yang telah diputuskan oleh JSNP berkaitan isu ini ialah bahawa binatang yang ditindik telinganya seperti di atas dan cukup segala syarat korban atau akikah adalah harus. Penggunaan tag telinga tidak termasuk dalam ertikata cacat. Terdapat dua perkara penting berkenaan keputusan JSNP di dalam permasalahan ini. Pertama ialah berkaitan penggunaan tag telinga yang dipasang kepada haiwan ternakan tidak termasuk di dalam ertikata cacat dan yang kedua ialah keharusan melakukan korban atau akikah terhadap haiwan ternakan

yang ditindik telinganya. Keputusan ini diambil oleh JSNP dengan berasaskan beberapa alasan yang disandarkan kepada beberapa sumber rujukan hukum syarak.

Penggunaan tag telinga kepada haiwan ternakan yang akan menyebabkan telinga haiwan-haiwan tersebut akan berlubang adalah tidak termasuk di dalam larangan Rasulullah saw daripada melakukan korban dan akikah. Dua hadith yang memperkatakan perkara ini telah dibawa di dalam teks fatwa iaitu hadith yang diriwayatkan oleh ‘Ali bin Abu Talib dan hadith riwayat al-Barra’ bin ‘Azib. Kedua-kedua hadith ini menjelaskan kecacatan yang berlaku kepada haiwan ternakan sehingga menyebabkan korban tidak dapat dilakukan, antaranya ialah cacat, carik dan berlubang pada bahagian telinga.

Keharusan ini sebenarnya dapat dilihat daripada tujuan penggunaan tag telinga tersebut. Tag tersebut ditindik dan digunakan dengan tujuan memudahkan kawalan kesihatan, pendaftaran dan pengenalan binatang. Wujud kemaslahatan terhadap penggunaan tag telinga walaupun perkara tersebut boleh diletakkan di dalam maksud kecacatan yang ada pada bahagian telinga binatang ternakan. Hal ini adalah merujuk kepada penggunaan sumber rujukan *Masalih Mursalah*.

Meneliti metodologi penetapan keputusan fatwa ini, jelas menunjukkan bahawa JSNP telah merujuk dan menyandarkan fatwa dalam isu ini kepada sumber *Masalih Mursalah* dan juga *al-Sunnah*. Sumber *Masalih Mursalah* dilihat amat bersesuaian untuk digunakan kerana tujuan penggunaan tag telinga tersebut bukan untuk mencederakan binatang ternakan tersebut tetapi adalah untuk kebaikan binatang tersebut juga. Setelah itu, dua hadith dijadikan sandaran untuk menjelaskan maksud sebenar kedudukan tag telinga dengan kecacatan yang ada pada binatang ternakan yang tidak dibenarkan disembelih bagi tujuan korban dan akikah. Sumber daripada *al-Sunnah* yang digunakan ialah hadith-hadith yang

sahih walaupun secara asalnya tidak dinyatakan status hadith tersebut¹. Tiada pendapat mazhab dijadikan sandaran kepada penetapan fatwa ini.

c) Kesimpulan:

Jelas daripada analisis teks fatwa berkenaan isu ini, JSNP telah mempraktiskan usaha memutuskan fatwa mengikut metodologi penetapan fatwa yang telah dipersetujui. Sumber *al-Sunnah* yang sahih dan *Masalih Mursalah* menjadi asas kepada keputusan fatwa. Tiada sebarang pendapat daripada mazhab-mazhab muktabar ASWJ direkod pengambilkiraannya dalam mengeluarkan fatwa ini. Berikut adalah rajah bagi menunjukkan dua perkara tersebut;

i. Sumber Rujukan

Al-Quran al-Karim	- Tiada -
Hadith Sahih	✓
Ijma' Sahabat	- Tiada -
Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w	- Tiada -
Hadith Mursal dan Daif	- Tiada -
Qiyas ketika darurat	- Tiada -
Masalih Mursalah	✓
Sad al-Dharai'	- Tiada -
Istihsan dan Istishab	- Tiada -
'Uruf	- Tiada -

¹ Hadith pertama adalah *Sahih* mengikut kaedah takhrij Ahmad Shakir, manakala hadith kedua adalah *Sahih* mengikut kaedah takhrij al-Albani.

ii. Pendapat Mazhab

Mazhab Hanafi	- Tiada -
Mazhab Maliki	- Tiada -
Mazhab Syafi'i	- Tiada -
Mazhab Hanbali	- Tiada -

3.2.10 Harta Pusaka Orang Bukan Islam Diwarisi oleh Orang yang Beragama Islam

a) Pendahuluan

Perbincangan mengenai masalah ini bermula pada mesyuarat ketiga tahun 2000 (Minit Mesyuarat JSNP bil. 3, 2000). Keputusan mengenai masalah ini telah dikeluarkan pada 9 Oktober tahun 2000 dalam mesyuarat yang keempat (Minit Mesyuarat JSNP bil. 4, 9 Oktober 2000).

Kertas kerja JSNP bilangan 3/3/2000 "Harta pusaka orang bukan Islam diwarisi oleh orang yang beragama Islam

Mesyuarat telah berbincang dengan teliti dan panjang lebar mengenai harta pusaka orang bukan Islam diwarisi oleh orang yang beragama Islam dan bersetuju memutuskan seperti berikut:

"Orang yang bukan Islam adalah tidak boleh mewarisi harta orang yang beragama Islam dan orang yang beragama Islam tidak boleh mewarisi harta orang yang bukan Islam, sebagaimana penjelasan dalam hadith yang sahif seperti berikut: حديث علي في الصحيح (

أخرج البخاري و مسلم، لا يرث الكافر المسلم ولا العكس

Maksudnya: "Orang kafir tidak boleh mewarisi harta orang Islam dan orang Islam tidak boleh mewarisi harta orang bukan Islam".

b) Analisis Metodologi Penetapan Fatwa:

Meneliti teks fatwa di dalam isu ini, JSNP telah memutuskan bahawa orang bukan Islam tidak boleh mewarisi harta peninggalan daripada ayah, emak, saudara dan lain-lain yang beragama Islam. Keputusan ini dicapai berdasarkan penjelasan yang telah dibuat oleh Rasulullah saw berkenaan kedudukan tersebut. JSNP meletakkan sebuah hadith Sahih yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim daripada ‘Ali Ibn Abu Talib iaitu;

”لَا يرثُ الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ وَلَا الْعَكْسُ“

“Orang kafir tidak boleh mewarisi harta orang Islam dan begitu juga sebaliknya”

Hadith Sahih yang dijadikan sandaran kepada fatwa yang dikeluarkan ini oleh JSNP mempunyai beberapa masalah. Masalah tersebut berkaitan perawi hadith ini yang diletakkan sebagai ‘Ali Ibn Abi Talib dan diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim. Manakala masalah kedua pula ialah matan hadith tersebut yang ditulis di dalam teks fatwa dengan “ولَا العَكْسُ” iaitu “dan begitu juga sebaliknya”. Hasil penelitian mendapati hadith

Sahih riwayat al-Bukhari dan Muslim tersebut bukan daripada ‘Ali Ibn Abi Talib, tetapi perawinya ialah Usamah Ibn Zayd (al-Bukhari, 1997). Seterusnya, perkataan “ولَا العَكْسُ”

yang ada di dalam matan hadith yang berada di dalam teks fatwa ini sebenarnya bukan daripada teks hadith yang wujud di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim. Teks hadith yang wujud di dalam Sahihayn ialah;

”لَا يرثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ“

”لَا يرثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ وَلَا يرثُ الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ“

i. Sumber Rujukan

Al-Quran al-Karim	- Tiada -
Hadith Sahih	✓
Ijma' Sahabat	- Tiada -
Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w	✓
Hadith Mursal dan Daif	- Tiada -
Qiyas ketika darurat	- Tiada -
Masalih Mursalah	- Tiada -
Sad al-Dharai'	- Tiada -
Istihsan dan Istishab	- Tiada -
'Uruf	- Tiada -
Qawa'id Fiqhiyyah	- Tiada -

ii. Pendapat Mazhab

Mazhab Hanafi	- Tiada -
Mazhab Maliki	- Tiada -
Mazhab Syafi'i	- Tiada -
Mazhab Hanbali	- Tiada -

3.3 KESIMPULAN

Penelitian dan analisis yang telah dilakukan terhadap 10 fatwa JSNP daripada tahun 1990 sehingga 2000 berkenaan praktis penetapan fatwa adalah melibatkan dua perkara.

Perkara pertama ialah berkenaan sumber rujukan hukum dan yang kedua ialah keterikatan dengan mazhab tertentu.

Daripada sudut pertama iaitu sumber rujukan hukum, didapati sumber al-Quran telah diletakkan sebagai asas pertimbangan hukum di dalam majoriti fatwa melibatkan fatwa pertama, keempat, keenam, ketujuh dan kelapan. Sumber hadith yang sahih juga merupakan rujukan asasi di dalam menetapkan keputusan sesuatu fatwa melibatkan fatwa pertama, kedua, keempat, keenam, ketujuh, kelapan, kesembilan dan kesepuluh. Sumber rujukan seterusnya pula ialah fatwa sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w, sumber ini telah digunakan di dalam penetapan fatwa yang kedua dan kesepuluh. Sumber hadith *Mursal* dan *Dha'if* juga telah diberikan pertimbangan di dalam menetapkan beberapa fatwa seperti pada fatwa yang kedua, keempat dan keenam. *Masalih Mursalah* yang menjadi salah satu sumber rujukan hukum oleh JSNP telah diambilpakai di dalam pertimbangan menetapkan fatwa yang ke tiga dan kesembilan. Manakala sumber '*Uruf* dan *Qawa'id Fiqhiyyah* telah digunakan sebagai ambilan hukum begi menetapkan fatwa yang ke lima.

Sumber rujukan *Ijma'* sahabat, *Qiyas* ketika darurat, *Sad al-Dharai'*, *Istihsan* dan *Istishab* tidak digunakan sebagai salah satu sumber rujukan hukum di dalam menetapkan 10 fatwa pilihan ini. Ini bukan bermakna sumber-sumber rujukan tersebut tidak digunakan di dalam penetapan fatwa-fatwa yang lain.

Rajah 3.1: Penggunaan Sumber Rujukan Hukum dalam Penetapan Fatwa JSNP

	Qawa'id Fiqhiyyah								
'Uruf									
Istihsan dan Istishab									
Sad al-Dharai'									
Masalih Mursalah									
Qiyas ketika darurat									
Hadith Mursal dan Daif									
Fatwa 1	✓	✓							
Fatwa 2		✓		✓	✓				
Fatwa 3						✓			
Fatwa 4	✓	✓			✓			✓	✓
Fatwa 5									
Fatwa 6	✓	✓			✓				
Fatwa 7	✓	✓							
Fatwa 8	✓	✓							
Fatwa 9		✓				✓			
Fatwa 10		✓		✓			0	0	1
	5	8	0	2	3	0	2	0	1

Semua dapatan ini menjelaskan bahawa setiap daripada fatwa yang ditetapkan oleh JSNP adalah berteraskan sumber rujukan hukum syarak secara umumnya. Secara khususnya pula, setiap daripada fatwa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa ádalah mengikut garispanduan sumber rujukan hukum yang telah ditetapkan sebagai asas ambilan dan pertimbangan pandangan JSNP. Perkara ini jelas dengan semua fatwa yang ditetapkan akan mempunyai sumber ambilan hukum yang dimuatkan pada keputusan yang telah dicapai.

Daripada sudut kedua pula iaitu kedudukan pengambilkiraan pandangan mazhab dalam menetapkan keputusan sesuatu fatwa, didapati semua pandangan daripada mazhab-mazhab muktabar ASWJ telah diambilkira iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Pengambilkiraan tersebut dapat dilihat di dalam fatwa kedua yang mengambilpakaik

keempat-empat mazhab. Manakala pada fatwa keenam pendapat mazhab Syafi'i telah diambil dalam pertimbangan menetapkan keputusan bagi fatwa tersebut. Padangan daripada mazhab Maliki juga telah diambil perkiraan di dalam pertimbangan menetapkan keputusan bagi fatwa yang ketujuh.

Rajah 3.2: Penggunaan Pendapat Mazhab ASWJ dalam Penetapan Fatwa JSNP

Mazhab Hanbali	Mazhab Syafi'i	Mazhab Maliki	Mazhab Hanafi	Fatwa 1
✓	✓	✓	✓	Fatwa 2
				Fatwa 3
				Fatwa 4
				Fatwa 5
		✓		Fatwa 6
	✓			Fatwa 7
				Fatwa 8
				Fatwa 9
				Fatwa 10
1	2	2	1	

Dapatan ini juga telah menjelaskan bahawa semua pandangan mazhab dalam kalangan ASWJ akan diterimakan sekiranya mempunyai asas yang kukuh daripada nas-nas syarak. Perkara ini jelas dapat dilihat daripada penggunaan pendapat-pendapat mazhab dalam kalangan ASWJ sebagai asas pertimbangan kepada penetapan sesuatu fatwa sepertimana yang dinyatakan di dalam analisis yang telah dilakukan pada beberapa fatwa berkaitan.

BAB EMPAT

RUMUSAN DAN CADANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini adalah bahagian terakhir laporan kajian. Bahagian ini akan mengemukakan rumusan secara keseluruhan berdasarkan huraian, analisis dan perbincangan daripada bab-bab yang lepas. Beberapa cadangan yang dianggap munasabah berhubung tajuk kajian ini akan dikemukakan buat manfaat kepada semua pihak.

4.2 RUMUSAN

Secara umumnya, kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut;

a. Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP)

Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP) bermula secara rasmi pada 1964, di bawah satu undang-undang yang berkaitan dengan cara pentadbiran agama Islam dan adat istiadat melayu diluluskan sebagai Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis (1964). Pada seksyen lapan (8) ceraian satu (1) undang-undang tersebut ada menyatakan kewujudan jawatankuasa, fungsi dan keahlian. Bermula daripada detik ini, secara rasmi wujud Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis. Antara fungsinya ialah sebagai penasihat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam perkara berkaitan fatwa (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964).

Pada 1 Februari 1948 bersamaan 21 Rabiul Awal 1367, Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis dimasyhurkan dan wujud di dalamnya peruntukan yang menyatakan tentang Raja boleh menubuhkan sebuah majlis agama Islam bagi membantu serta menasihatinya dalam perkara berkaitan agama Islam dan adat istiadat melayu. Dengan kewujudan Majlis, segala masalah yang timbul dan memerlukan fatwa rasmi akan dibawa masuk ke dalam MAIPs dan dibincangkan di situ tanpa melibatkan jawatankuasa lain (Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948).

Pada tahun 2006, nama Jawatankuasa ini juga ditukar kepada Jawatankuasa Fatwa. Menurut seksyen 46, ceraian satu (1): “Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa” (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Bil. 4/2006).

Berdasarkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964, bilangan ahli yang diperuntukkan ialah tujuh orang iaitu Mufti, tiga orang daripada kalangan Ahli Majlis Agama Islam dan tiga orang lagi melibatkan alim ulama yang bukan daripada kalangan Ahli Majlis Agama Islam. Manakala setelah pindaan dibuat pada tahun 2006, bilangan ahli yang diperuntukkan ialah Sembilan orang iaitu Mufti, sebagai Pengerusi, Timbalan Mufti, Enam orang lain yang beragama Islam Ahli Sunnah Waljama'ah, termasuk tidak lebih daripada tiga orang anggota Majlis yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai Setiausaha

Sejak ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1964 sehingga kini, JSNP atau JFNP berjalan seiring dengan peranan Mufti Kerajaan sebagai penasihat DYMM Raja Pemerintah sepertimana yang wujud di dalam seksyen 45 (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Bil. 4/2006) dan peranan Jawatankuasa sebagai penasihat kepada MAIPs sepertimana yang

wujud di dalam enakmen lama seksyen 8/1 (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964). Peranan itu ialah bagi memastikan segala permasalahan yang timbul dan perlu kepada fatwa dapat diselesaikan dengan baik mengikut metode yang disepakati dengan mengambilkira perubahan keadaan semasa dan setempat.

b. Prosedur Pengeluaran Fatwa

Prosedur pengeluaran fatwa di negeri Perlis adalah tertakluk kepada beberapa peruntukan yang ada di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1964. Peruntukan tersebut dengan jelas menyatakan proses pengeluaran fatwa daripada mula soalan dikemukakan sehingga fatwa tersebut diwartakan.

Proses pengeluaran fatwa di negeri Perlis akan melibatkan lima pihak. Pertama melibatkan pihak yang bertanya, kedua melibatkan pihak Sultan atau Raja Pemerintah, ketiga pula melibatkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), manakala yang keempat ialah pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri, dan yang terakhir ialah Jabatan Mufti Negeri.

Menurut peruntukan yang disediakan di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis, proses pengeluaran sesuatu fatwa akan melibatkan kelima-lima pihak di atas iaitu pihak yang bertanya sama ada individu mahupun institusi, Raja Pemerintah sebagai Ketua Agama Islam Negeri Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis sebagai badan penasihat kepada Raja Pemerintah di dalam urusan agama Islam dan adat istiadat melayu dan Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis sebagai badan rujukan berfatwa negeri Perlis serta Jabatan Mufti Negeri Perlis sebagai sekretariat yang menguruskan perjalanan keseluruhan pihak-pihak di atas.

Proses pengeluaran fatwa yang melibatkan kelima-lima pihak ini mempunyai perbezaan berdasarkan soalan yang diajukan kepada Setiausaha MAIPs yang merupakan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs) ataupun kepada Jabatan Mufti Negeri.

c. Metodologi Penetapan Fatwa JSNP

Metodologi Penetapan Fatwa JSNP sebenarnya adalah balik merujuk kepada dua peruntukan undang-undang. Dua peruntukan tersebut ialah Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis (Laws of The Constitution of Perlis) 1948, Bahagian 2, Perkara 5, Ayat 1 yang menyatakan bahawa agama bagi negeri Perlis ialah agama Islam Ahli Sunnah Waljama'ah. Manakala peruntukan undang-undang yang kedua pula ialah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1964, Bahagian 2, Perkara 7, Ceraian 4 yang menyatakan bahawa di dalam mengeluarkan sesuatu fatwa oleh MAIPs dan JSNP, keduanya perlu mengikut al-Quran dan Sunnah Rasul Allah s.a.w.

Peruntukan ini telah menghasilkan satu garispanduan penetapan hukum yang telah diputuskan di dalam fatwa memperjelaskan metodologi berfatwa di negeri Perlis berasaskan ASWJ yang merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah. Metodologi yang dikeluarkan adalah melibatkan dua perkara iaitu dasar ambilan sumber hukum dan kedudukan pegangan kepada mazhab fekah.

Melibatkan perkara pertama, JSNP mempunyai metode yang tersendiri dalam merujuk kepada sumber-sumber hukum iaitu *Al-Quran al-Karim*, *Hadith Sahih*, *Ijma'* Sahabat, Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w, *Hadith Mursal* dan *Daif*, Qiyas ketika darurat, *Masalih Mursalah*, *Sad al-Dharai'*, *Istihsan* dan *Istishab*, ‘Uruf serta *Qawa'id Fiqhiyyah* dengan mengikut keutamaan.

Manakala perkara kedua pula ialah JSNP tidak terikat dengan satu-satu mazhab dalam mengeluarkan fatwa, tetapi menggunakan semua pendapat dan pandangan daripada mazhab-mazhab sebagai panduan. Setiap daripada pandangan dan pendapat daripada sesuatu mazhab akan diterima sekiranya mempunyai sandaran yang kuat daripada al-Quran, Sunnah dan pendapat para sahabat r.a.

d. Fatwa-fatwa JSNP antara tahun 1990 hingga 2000

Terdapat sebanyak 20 fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis sekitar tahun 1990 sehingga tahun 2000. Namun begitu, bagi tujuan kajian ini hanya 10 fatwa sahaja dipilih. Fatwa-fatwa tersebut ialah Zakat Gaji (1991), Bacaan al-Quran di tempat-tempat kematian (1993), Pungutan zakat harta daripada anak Perlis yang bermastautin di luar Perlis (1995), Pakaian pekerja Islam wanita (1996), Status agama bayi yang tidak diketahui agama ibubapa kandungnya (1996), Sembahyang Jumaat bagi wanita (1997), Seseorang Islam yang mengaku bukan Islam kerana mengelak daripada ditangkap atau sebab-sebab lain (1999), Menyembunyi ahli waris (1999), Penggunaan tag telinga pada binatang korban (1999) dan Harta pusaka orang bukan Islam diwarisi oleh orang yang beragama Islam (2000).

e. Praktis Metodologi Penetapan Fatwa JSNP Berhubung dengan Sumber Hukum

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap 10 fatwa yang telah dikeluarkan oleh JSNP antara tahun 1990 sehingga 2000, didapati praktis JSNP terhadap metodologi penetapan fatwa berkaitan sumber ambilan hukum adalah selari dengan garispanduan yang telah ditetapkan. Didapati sumber al-Quran telah diletakkan sebagai asas pertimbangan hukum di dalam majoriti fatwa melibatkan fatwa pertama, keempat, keenam, ketujuh dan kelapan. Sumber hadith yang sahih juga merupakan rujukan asasi di dalam menetapkan keputusan

sesuatu fatwa melibatkan fatwa pertama, kedua, keempat, keenam, ketujuh, kelapan, kesembilan dan kesepuluh. Sumber rujukan seterusnya pula ialah fatwa sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w, sumber ini telah digunakan di dalam penetapan fatwa yang kedua dan kesepuluh. Sumber hadith Mursal dan Dha'if juga telah diberikan pertimbangan di dalam menetapkan beberapa fatwa seperti pada fatwa yang kedua, keempat dan keenam. Masalah Mursalah yang menjadi salah satu sumber rujukan hukum oleh JSNP telah diambilpakai di dalam pertimbangan menetapkan fatwa yang ketiga dan kesembilan. Manakala sumber ‘Uruf dan Qawa’id Fiqhiyyah telah digunakan sebagai ambilan hukum begi menetapkan fatwa yang ke lima.

Sumber rujukan Ijma’ sahabat, Qiyyas ketika darurat, Sad al-Dharai’, Istihsan dan Istishab tidak digunakan sebagai salah satu sumber rujukan hukum di dalam menetapkan 10 fatwa pilihan ini. Ini bukan bermakna sumber-sumber rujukan tersebut tidak digunakan di dalam penetapan fatwa-fatwa yang lain.

f. Praktis Metodologi Penetapan Fatwa JSNP Berhubung Pandangan Mazhab

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap 10 fatwa yang telah dikeluarkan oleh JSNP antara tahun 1990 sehingga 2000, didapati praktis JSNP terhadap metodologi penetapan fatwa berkaitan pandangan mazhab tertentu adalah selari dengan garispanduan yang telah ditetapkan. Didapati semua pandangan daripada mazhab-mazhab muktabar ASWJ telah diambilkira iaitu *Hanafi*, *Maliki*, *Syafi'i* dan *Hanbali*. Pengambilkiraan tersebut dapat dilihat di dalam fatwa kedua yang mengambilpakai keempat-empat mazhab. Manakala pada fatwa keenam pendapat mazhab *Syafi'i* telah diambil dalam pertimbangan menetapkan keputusan bagi fatwa tersebut. Padangan daripada mazhab *Maliki* juga telah diambil perkiraan di dalam pertimbangan menetapkan keputusan bagi fatwa yang ketujuh.

4.3 CADANGAN

Hasil daripada penyelidikan yang dijalankan, kajian ini mengemukakan beberapa bentuk cadangan dan saranan melibatkan dua perkara besar di dalam metodologi penetapan fatwa oleh JSNP. Diharap cadangan ini dapat memberi nilai tambah yang baik ke arah memartabatkan kedudukan fatwa yang mampu memberi solusi sebenar kepada permasalahan hukum yang timbul di dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia.

4.3.1 Cadangan berkaitan Praktis Metodologi Penetapan Fatwa Berhubung Sumber Rujukan Hukum dan Pandangan Mazhab

a) Pengekalan dan Penerusan Terhadap Metodologi Penetapan Fatwa Sedia Ada

Sebagaimana sedia maklum, Perlis merupakan satu-satunya negeri yang berbeza dengan negeri-negeri yang lain dari sudut metodologi penetapan fatwa. Negeri-negeri lain mengambil pendekatan mazhabi yang secara dasarnya terikat dengan sesuatu mazhab manakala Perlis mengambil pendekatan tidak terikat dengan mazhab tertentu sebaliknya menjadikan rujukan al-Quran dan Sunnah Rasul S.A.W sebagai sumber ambilan hukum dan penetapannya.

Walaupun dilihat Perlis secara umumnya, JSNP secara khususnya bersendirian dalam aspek ini, namun begitu pendekatan yang telah ditetapkan itu sangat perlu dikekalkan dan diteruskan. Pengekalan dan penerusan ini paling kurangnya merupakan salah satu usaha untuk melihat kembali sesuatu penyelesaian hukum syarak itu melalui peringkat-peringkat ijтиhad yang cuba meneliti sebarang penyelesaian yang wujud berdasarkan nas-nas syarak daripada al-Quran dan al-Sunnah walaupun kapasiti ulama zaman kini tidak mencapai kekuatan seperti ulama dahulu.

Usaha ini tidak menafikan kekuatan dan kesahan pendekatan negeri-negeri selain Perlis yang lebih berbentuk mazhabi. Namun begitu, pendekatan mazhabi tersebut perlu juga melihat secara adil padangan atau pendapat mazhab tersebut di dalam neraca nas-nas syarak.

b) Gabungan Sumber Ambilan Hukum dengan Pemakaian Pandangan Mazhab

Metodologi JSNP yang meletakkan dua perkara besar iaitu sumber ambilan hukum dan pemakaian pandangan mazhab adalah satu pendekatan yang jelas. Hasrat untuk merujuk nas-nas syarak dan tidak terikat dengan pandangan mazhab-mazhab tertentu adalah perkara yang patut dicontohi oleh badan-badan berautoriti fatwa yang lain. Namun begitu, adalah lebih baik untuk JSNP di dalam menetapkan sesuatu fatwa mengambil pendekatan gabungan di antara sumber ambilan hukum dengan pemakaian pandangan mazhab. Sesuatu penetapan fatwa akan lebih baik sama ada dari sudut pendalilan dan juga penerimaan masyarakat apabila wujud gabungan penggunaan dalil yang jelas daripada sumber hukum yang telah ditetapkan dengan pemakaian pandangan mazhab daripada mazhab-mazhab muktabar ASWJ. Dengan menggabungkan kedua-dua kaedah ini, fatwa yang ditetapkan bukan sahaja menampakkan kekuatan pendalilan, malah masyarakat Malaysia umumnya boleh menerima pakai fatwa yang ditetapkan tersebut kerana mempunyai asas dalam pegangan sesebuah mazhab, sama ada mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Oleh itu, di dalam semua fatwa yang dikeluarkan oleh pihak JSNP, kedua-dua perkara tersebut perlu dimasukkan di dalam teks fatwa. Selain itu, perkara ini akan mampu memberi gambaran yang jelas kepada masyarakat tentang sesuatu penetapan yang telah diambil oleh JSNP dan mampu memberikan pengetahuan hukum kepada masyarakat umum dari sudut dalil-dalil,

pandangan-pandangan mazhab dan asas pertimbangan kepada penetapan fatwa tersebut.

c) Penambahbaikan dari Sudut Status Sumber yang Diambil

Cadangan terakhir ini tidak secara tepat bersangkutan dengan praktis metodologi penetapan fatwa oleh JSNP sama ada JSNP benar-benar menuruti garis panduan yang telah ditetapkan ketika mengeluarkan sesuatu fatwa. Cadangan ini lebih kepada aspek status sumber yang telah diambil dan digunakan oleh pihak JSNP di dalam menyandarkan fatwa yang telah ditetapkan. Terdapat kelemahan dari sudut status hadith yang dikemukakan sama ada dari aspek kekuatan dan kelemahan hadith, begitu juga berkenaan aspek perletakan hadith yang sebenarnya bukan hadith. Perkara pertama berlaku di dalam kebanyakan teks fatwa yang telah ditetapkan. Hadith yang dikemukakan tidak dinyatakan status kekuatan dan kelebihannya, sedangkan di dalam garispanduan sumber ambilan hukum jelas wujud pemakaian hadith *Sahih, Mursal, Da'if* dan lain-lain. Manakala perkara kedua pula adalah sesuatu yang perlu dilihat secara serius. Didapati wujud di dalam teks keputusan fatwa JSNP menyatakan penggunaan hadith, namun apabila diteliti matan hadith tersebut bukan hadith tetapi merupakan kata-kata sahabat. Kelemahan ini adalah sesuatu yang tidak patut berlaku terutama di dalam usaha menetapkan hukum syarak kepada sesuatu permasalahan. Oleh itu, dicadangkan kepada pihak JSNP meneliti dengan baik kedua-dua perkara ini sebelum menetapkan keputusan fatwa. Penelitian ini boleh diberikan kepada sekretariat mesyuarat JSNP sebagai pihak yang boleh membantu JSNP itu sendiri.

RUJUKAN

Bahasa Melayu:

- Abd Latif Muda *et al.* (1997), *Pengantar usul al-Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Jabatan Mufti Perlis (t.t), *Himpunan Fatwa Negeri Perlis*. Alor Setar: Percetakan Siaran Sdn Bhd.
- Kenneth D. Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Hashim Awang (terj.), c. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MAIPs (t.t). *Keputusan Fatwa Mengenai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. t.t.t.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1992), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohd Akram Dahaman (2005), “Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-fatwa Tahun 1990-2000”. (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).
- Muhammad Haji Yusuf (1993). “Hubungan antara Kelompok”, dalam Abdul Halim Othman (eds), *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Othman Ishak (1981). *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Suwaid Tapah (2004). “Perundangan dan Penguatkuasaan Fatwa”, dalam Ahmad Hidayat Buang (eds), *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM.
- Syed Arabi Idid (1999). *Analisa Kandungan*. Bangi: Jabatan Komunikasi UKM.
- Urusetia Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (1997), *Prosedur Penetapan Fatwa*. Jurnal Penyelidikan Islam, bil. 10.

Bahasa Arab

- Abd al-Wahhab Khallaf (t.t), *Khulasah Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Abdul Karim Zaydan (1996), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Amidi (1979), *al-Ihkam fi usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Baghdadi, al-Khatib (t.t), *Tarikh al-Baghdad*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Baqi, Muhammad Fuad Abd (1994), *al-Mu’jam al-Mufahras Li al-Alfaz al-Quran al-Karim*, Beirut: Dar al-Ma’rifah
- al-Bukhari, Abd al-Aziz (1990), *Kasyf al-Asrar ‘an Usul al-Bazdawi*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- al-Bukhari (1997), *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam.
- al-Mallah, Husayn Muhammad (2001), *al-Fatwa Nasy’atuha wa Tatawwuruha, Usuluha wa Tadbiquha*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah
- al-Darimi (1987), *Sunan al-Darimi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi
- al-Ghazali (1998), *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- al-Hariri, Ibrahim Muhammad (1998), *al-Madkhal ila al-Qawa’id al-Fiqhiyyah al-Kulliyah*. Amman: Dar ‘Ammar.
- Ibn Qudamah (1984), *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Jawziyyah, Ibn Qayyim (1996), *A’lam al-Muwaqqi’in ‘an Rabb al-‘Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- al-Kasani (1998), *Badai’ al-Sanai’ fi Tartib al-Syarai’*. Beirut: dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Mahmud Tahhan (1987), *Taysir Mustalah al-Hadith*. Riyadh: Maktabah al-Ma’arif
- Muhammad Abu Zuhrah (1987), *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah*. London: Dar al-Hadith
- al-Qaradawi (2005), *al-Fatawa al-Mu’asarah*. al-Kuwayt: Dar al-Qalam.
- Qutb Mustafa Sano (2000), *Mu’jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Sayyid Sabiq (1995), *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Jil.
- al-Syatibi (1996), *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari’ah*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- al-Tarabilisi, Mustafa Bashir (2010), *Manhaj al-Bahs wa al-Fatwa fi al-Fiqh ai-Islami*. Amman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nasyr.
- Wahbah Zuhayli (1996), *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr
- al-Zarqa’, Mustafa Ahmad (1965), *al-Madkhal al-Fiqhi al-‘Am*. Damsyik: Maktabah al-Jami’ah Dimasyq.

Bahasa Inggeris

European Council for Fatwa and Research (t.t), *First Collection of Fatwa*. Ireland: Islamic Cultural Centre

Raihanah Halid (2008), “*The Fatawa Issued by the Fatwa Committee of Singapore: An Evaluative Analytical Study*” (Disertasi Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

Marshall C & Rosman G.B (2006), *Designing Qualitative Research*. California: SAGE Publications.

Merriam S.B (1998), *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. California: Jossey Bass Publishers.

Thomas Mann (1987), *A Guide to Library Research Methods*. New York: Oxford University Press.

Temubual

Dato’ Alim Setia Ahmad bin Jusoh, ahli JSNP (18 Disember 2012)

Dato’ Setia Bakti Haji Nordin bin Ismail, bekas ahli JSNP (15 Disember 2012)

Ustaz Roslan Esa, Timbalan Mufti Negeri Perlis (2 November 2012)

Minit Mesyuarat

Minit Mesyuarat JSNP bil. 2, 1993

Minit Mesyuarat JSNP bil. 5, 1993

Minit Mesyuarat JSNP bil. 2, 1995

Minit Mesyuarat JSNP bil. 3, 1995

Minit Mesyuarat JSNP bil. 2, 1996

Minit Mesyuarat JSNP bil. 4, 1996

Minit Mesyuarat JSNP bil. 1, 1996

Minit Mesyuarat JSNP bil 4, Oktober 1999

Minit Mesyuarat JSNP bil 4, Disember 1999

Minit Mesyuarat JSNP bil. 1, 11 Februari 1999

Minit Mesyuarat JSNP bil. 2, 1 Jun 1999

Minit Mesyuarat JSNP bil. 3, 2000

Minit Mesyuarat JSNP bil. 4, 9 Oktober 2000

Statut

Administration of Muslim Law Act 2009

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis Bil. 4/2006

Perlembagaan Persekutuan

Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948

Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis (1964)

Laman Web

Da'irah al-Ifta' al-'Am, <http://www.aliftaa.jo/index.php/ar/pages/view/id/39>: 20 Mac 2013

Surat Khabar

Berita Harian, 5 Januari 2004